Pengkaji menggunakan lapan soalan yang digunakan dalam peperiksaan PT3 dan UASA yang diluluskan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia. Keberkesanaan teknik ini dapat dinilai melalui ujian Pra ujian Pasca dan temu bual. Tema soalan yang sama digunakan untuk ujian Pra dan ujian Pasca. Walaupun tema yang sama, tetepi pengkaji menggunakan soalan yang berbeza untuk memastikan murid menggunakan teknik ToHuCoKeP ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8 Kepentingan kajian

Kajian ini diharapkan dapat memberikan satu gambaran yang sebenar tentang ciri-ciri teknik ToHuCoKeP yang boleh digunakan oleh guru untuk mengukuhkan perkembangan isi dalam karangan perbahasan. Hasil kajian ini juga akan memberikan gambaran dan panduan kepada murid dan guru untuk meningkatkan kualiti karangan dan juga untuk menghasilkan karangan yang cemerlang dalam kalangan murid Bahasa Tamil tingkatan 3.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8.1 Kepentingan kepada Murid

Kajian yang bertajuk teknik ToHuCoKeP dalam kemahiran mengembang isi karangan Bahasa Tamil menyumbang pelbagai kepentingan kepada murid. Khususnya kepada murid sekolah menengah. Ia disebabkan murid sekolah menengah yang menduduki peperiksaan awam iaitu Sijil Pelajaran Malaysia. Secara tidak langsung semua murid akan berusaha untuk menghasilkan karangan yang bertaraf cemerlang untuk mendapatkan pencapaian yang tinggi dan kajian ini akan dijadikan sebagai panduan untuk mereka.

Dengan teknik ini, murid diajar untuk mengembangkan isi dengan lebih teratur dan sistematik. Melalui pendekatan ini murid dapat tahu kandungan susunan isi. Susunan seperti topik, huraian, contoh, kesan dan ayat penegasan atau ayat kesimpulan isi. Dengan ini, murid dapat membina perenggan yang lengkap. Hal ini memudahkan murid mengenal pasti ungkapan indah atau elemen sastera yang boleh dikaitkan dengan isi berkenaan.Melalui pelaksanaan teknik ToHuCoKeP, murid dapat belajar cara mengolah isi dengan tersusun, membina hujah yang kukuh dan menulis dengan lebih yakin serta berkesan.

Selain mata pelajaran Bahasa Tamil, teknik ini turut boleh diaplikasikan dalam mata pelajaran lain seperti Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sejarah, Geografi dan mana-mana subjek yang melibatkan penulisan esei. Hal ini demikian kerana kaedah penghuraian soalan esei bagi kebanyakan mata pelajaran adalah hampir sama. Di samping itu, penggunaan teknik ini berpotensi membantu murid memperoleh markah yang lebih cemerlang dalam peperiksaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8.2 Kepentingan kepada Guru

Kajian ini amat sesuai kepada para pendidik terutama kepada guru bahasa. Ini kerana merekalah individu yang paling hampir dan terlibat secara langsung dengan penghasilan karangan. Biasanya guru memberi tumpuan yang paling banyak di bahagian karangan. Ia kerana bahagian ini menyumbang markah yang paling banyak pada peperiksaan. Sebagai ilustrasinya, di peringkat SPM soalan karangan perbahasan Bahasa Tamil menyumbang sebanyak 70 markah daripada 230 markah. Jurang yang paling banyak.

Hal ini yang memberi tekanan kepada guru untuk memfokuskan bahagian karangan. Oleh itu, teknik-teknik karangan amat membantu guru untuk mengajar karangan kepada murid. Berbanding dengan pendahuluan dan penutup, isi yang meliputi banyak markah dan bahagian yang murid perlu mengulas banyak. Walaupun menggunakan gaya penandaan holistik, masih bahagian isi yang menyumbang untuk meningkat pencapaian murid.

Oleh itu teknik yang digunakan dalam kajian ini amat memberi sokongan kepada pendidik untuk mengajar cara mengulas isi karangan dengan sistematik. Daripada penggunaan teknik ToHuCoKeP guru dapat mendorong tiga taraf murid yang ada dalam satu kelas. Secara tidak langsung guru dapat mengaplikasikan pembelajaran terbeza yang gagasan utama Kementerian Pendidikan Malaysia. Melalui menggunakan teknik ini guru dapat menghasilkan PdPc yang berkesan. Disamping itu, teknik ToHuCoKeP ini juga membantu guru untuk mengenalpasti idea-idea yang bernas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8.3 Kepentingan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia

Kajian ini juga memberi manfaat kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam usaha memperkukuh pengajaran Bahasa Tamil di sekolah menengah. Hasil kajian ini dapat dijadikan asas rujukan kepada kementerian untuk merancang program peningkatan kemahiran menulis karangan, khususnya dalam bahagian karangan perbahasan yang sering menjadi cabaran kepada murid. Strategi-strategi baru ini dapat ditambahkan kepada kurikulum baru yang akan dilaksanakan pada tahun 2027. Sebagai contohnya, dalam buku teks, boleh memberi teknik atau strategi mengulas isi karangan yang bersesuaian di ruang latihan yang diberi. Hal ini kerana buku teks adalah bahan bantu pengajaran yang paling utama digunakan oleh murid dan bahan bantu mengajar kepada guru.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Melalui dapatan kajian ini, kementerian boleh mempertimbangkan untuk mengadakan bengkel atau kursus penulisan berasaskan teknik ToHuCoKeP kepada murid di pelbagai peringkat. Bengkel ini dapat membantu murid memahami startegi penulisan yang lebih sistematik dan menyeronokkan, di samping meningkat prestasi mereka dalam peperiksaan. Selain itu, bahagian pembangunan kurikulum boleh mengadakan kursus kepada guru tentang teknik-teknik mengulas isi karangan yang berbeza dan boleh menggunakan teknik yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.9 Definisi Operasional

Terdapat beberapa istilah yang memerlukan penjelasan untuk menerangkannya dengan lebih baik berhubung dengan kehendak dan keperluan penyelidik dalam kajian ini.

1.9.1 ToHuCoKeP

Penulisan karangan adalah kemahiran yang sukar untuk dikuasai oleh murid. Teknik mengolah tajuk yang amat membantu murid semasa menulis karangan. Terdapat pelbagai teknik yang digunakan oleh pendidik bagi meningkat kefahaman kemahiran menulis. Salah satu tekniknya adalah ToHuCoKeP. ToHuCoKeP ini membatu murid untuk mengolah isi topik. Ia akronim kepada topik, huraian, contoh, kesan dan penegasan atau penutupan yang menggunakan lima aspek ini untuk mengolah isi.

Jadual 1.2

Penjelasan ToHuCoKeP

Teknik	Rangka Isi Karangan	
To	Ayat **To**pik	Isi utama / Idea uatama
Hu	Ayat **Hu**rai	Mengapa / Kenapa
Co	**Co**ntoh	Bagaimana
Ke	Ayat **Ke**san	Kesan / Implikasi
P	Ayat **P**enegasan	Rumusan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berpandukan jadual 1.2 ini murid akan mengembangkan isi karangan perbahasan mengikut tajuk yang diberi. Murid menggunakan kata kunci ini untuk tanya soalan mengikut topik. Jawapannya akan menjadi sebagai perenggan isi karangna perbahasaan

1.9.2 Karangan Perbahasan

Menurut (Kamus dewan Edisi Keempat, 2012) karangan bermaksud sesuatu yang dikarang atau hasil mengarang. Perbahasan bermaksud perihal berbahas atau membahaskan dan perdebatan dalam konteks kajian ini, karangan perbahasan merujuk kepada satu bentuk penulisan yang menekankan penyampaian hujah secara lisan atau tulisan bagi menyokong atau menentang sesuatu tajuk atau isu yang disediakan.

Karangan perbahasan ditulis dalam bentuk formal dengan menggunakan gaya bahasa yang meyakinkan, hujah yang tersusun serta alasan yang logik dan relevan. Walaupun standard kandungan karangan perbahasan bermula daripada sekolah rendah, di sekolah menengah bermula dari tingkatan 3. Hujah karangan perbahasan murid tingkatan tiga perlu tidak kurang daripada 180 patah perkataan. Bagi menengah rendah karangan perbahasan mempunyai 40 markah. Bagi murid menengah atas hujahnya perlu 300 patah perkataan dan 70 markah untuk karangan perbahasan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.10 Rumusan

Secara keseluruhannya, kajian ini dilaksanakan kerana murid Tingkatan 3 didapati lemah dalam penulisan karangan perbahasan Bahasa Tamil. Ia dapat dibuktikan melalui analisis item kertas soalan peperiksaan pertengahan tahun dan laporan dialog prestasi peperiksaan pertengahan tahun. Kelemahan di bahagian karangan terutama karangan perbahasan ini bukan sahaja menjejeaskan markah, malah turut memberi kesan kepada pencapaian keseluruhan murid dalam mata pelajaran Bahasa Tamil. Bagi mengatasi masalah ini pengkaji menggunakan teknik ToHuCoKeP dalam pengajaran dan pembelajaran yang diharapkan dapat membantu murid meningkatkan kemahiran menulis karangan perbahasan. Kajian ini dilakukan selama 8 minggu dengan tajuk yang berbeza di sebuah sekolah daerah Johor Bahru. Bagi dapatan kajian, pengkaji menggunakan ujian Pra, ujian Pasca dan temu bual sahaja.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.1 Pengenalan

Kajian Literatur pada dasarnya bermaksud sebagai penyatuan satu badan maklumat yang diperoleh dari sumber sekunder seperti buku, surat khabar, majalah dan sumber lain yang sesuai untuk tajuk kajian. Dalam itu juga, kajian literatur ialah pengumpulan maklumat penyelidik tentang masalah yang sedang dikaji. Dalam bab ini, pengkaji membincangkan teori, pandangan atau pendapat dan kajian terdahulu pengkaji lain tentang penggunaan Teknik ToHuCoKeP dan karangan perbahasan Bahasa Tamil dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah menengah khususnya murid tingkatan 3. Kajian ini memfokuskan kepada aspek utama iaitu, tentang pencapaian murid dalam karangan perbahasan dengan menggunakan Teknik ToHuCoKeP. Selain itu, menilai kesan Teknik ToHuCoKeP dalam karangan perbahasan murid tingkatan 3.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2 Kajian-kajian terdahulu

2.2.1 Kemahiran Menulis

Menurut (Chintela Tenggok & Nor Azwahanum Nor Shaid, 2023) kajian ini bertujuan untuk mengatasi masalah kesalahan bahasa dalam penulisan karangan dalam kalangan murid Iban tingkatan 2 seramai 20 orang. Kesalahan aspek tanda baca seperti penggunaan tanda baca nokhta dan koma pada tempat yang tidak tepat dalam ayat merupakan kesalahan yang paling tinggi dilakukan oleh reponden. Selain itu, penggunaan imbuhan yang kurang tepat berdasarkan frasa yang ditulis. Masalah-masalah ini dapat dikenal pasti daripada karangan naratif yang ditulis oleh responden. Kaedah yang sama digunakan oleh pengkaji untuk mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh murid Bahasa Tamil tingkatan 3 iaitu kaedah menulis karangan. Ia dijadikan sebagai ujian pra.

Secara keseluruhannya, hasil kajian Chintela Tenggok & Nor Azwahanum Nor Shaid mengatakan penulisan karangan bahasa Melayu murid Iban adalah pada tahap yang kurang memberangsangkan dan perlu menitik berat. Guru bahasa Melayu yang perlu memaikkan peranan yang amat penting untuk murid dapat menguasai kemahiran menulis lebih baik dengan menitik berat asas kemahiran menulis. Kemahiran menulis adalah kemahiran yang paling asas untuk kemahiran-kemahiran lain terdapat dalam DSKP 2017. Kemahiran menulis ini bukan sahaja penting untuk pengajaran dan pembelajaran di kelas malah ia penting untuk pencapaian akademik. Pada mata pelajaran Bahasa Tamil tingkatan 3, kemahiran menulis yang memikul peratus markah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang sepenuhnya di peperiksaan. Oleh hal demikian guru-guru perlu memberi tumpuan yang paling teliti dibahagian kemahiran menulis.

Pencampuran kod dalam ruang sembang WhatsApp mencetuskan implikasi negatif terhadap kualiti penulisan dalam bahasa Melayu (Richard Ignacy & Vijayaletchumy Subramaniam, 2022). Pengkaji dapat mengkelaskan beberapa faktor yang menjadi asas kepada isu ini. Isu yang pertama ialah perubahan sistem Pendidikan dalam negara, yang kedua masyarakat Malaysia yang bercirikan multilingual, yang ketiga pengaruh media sosial dan yang terakhir tentang sikap murid itu sendiri. Faktor-faktor ini secara langsung atau tidak langsung menjadi punca untuk kajian pendidikan pada masa kini.

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah ptbupsi

Faktor yang keempat ini menjadi salah satu punca di kajian yang pengkaji lakukan. Sikap murid adalah penting untuk proses pembelajaran di dalam kelas. Kejayaan aktiviti atau pendekatan yang dilakukan guru dalam PdPc bergantung kepada sikap murid. Murid perlu mempunyai sikap positif dan sentiasa menerima perubahan yang berlaku di global pendidikan. Pengkaji hanya memfokuskan karangan perbincangan sahaja dalam kajian ini. Karangan perbincangan adalah salah satu karangan di peringkat peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Bukan sahaja dalam peperiksaan Bahasa Melayu, malahan sama juga dalam peperiksaan Bahasa Tamil. Isu yang sama berlaku di karangan perbincangan dan perbahasan Bahasa Tamil.

Pencampuran kod dalam karangan Bahasa Tamil sehingga pembaca menghadapi kekeliruan kandungan karangan tersebut. Terutamanya kekeliruan dibahagian kefahaman isi utama. Bagi kajian pencapuran kod ini pengkaji

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menggunakan seramai 5 orang murid tingkatan 4 di sebuah sekolah menengah yang terletak di negeri Perak. 5 orang peserta kajian ini berumur 16 hingga 17 tahun, ia bermaksud ada yang daripada kelas peralihan. Pengkaji menggunakan kajian kes kualitatif. Pengkaji menggunakan kaedah instrumen pemerhatian dan analisis dokemen (buku latihan murid) untuk mendapatkan data kajian.

Dapatan kajian dapat melalui dua cara analisis data. Salah satunya daripada pemerhatian kumpulan sembangan di aplikasi WhatsApp. Yang keduanya dapatan data daripada penulisan karangan. Kesalahan aspek morfologi dalam hasil penulisan karangan adalah lebih banyak daripada kesalahan morfologi di aplikasi WhatsApp. Situasi sama yang berlaku dalam matapelajaran Bahasa Tamil. Terdapat pelbagai kesalahan morfologi. Murid kurang mengambil berat tentang masalah ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kemahiran literasi menulis merupakan suatu kemahiran asas yang perlu di pelajari dan dikuasai oleh semua murid sekolah rendah. Jika kemahiran ini tidak dikuasai akan menyebabkan proses pembelajaran mereka terjejas (Chew Fong Peng & Saidatul Aliah Amir, 2023). Kemahiran menulis adalah kemahiran yang paling penting untuk mempelajari kemahiran-kemahiran lain. Boleh dikatakan kemahiran menulis merupakan kemahiran asas kepada kemahiran-kemahiran lain.

Bukan sahaja kemahiran menulis penting di proses pengajaran dan pembelajaran, malah di peringkat peperiksaan juga memberi keutamaan kepada kemahiran menulis. Sebagai contohnya, mata pelajaran Bahasa Tamil menengah rendah pencapaian murid sepenuhnya bergantung kepada ujian bertulis. Selain itu, di

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

peringkat SPM, 230 markah bagi mata pelajaran Bahasa Tamil. Daripada markah penuh tersebut 200 markah memegang oleh ujian bertulis.

Kajian ini dijalankan untuk mengetahui tahap penguasaan kemahiran literasi menulis bahasa Melayu dalam kalangan murid tahun 1. Pengkaji membuat dua jenis perbandingan. Antara gender (lelaki dan perempuan) dan jenis sekolah (SK, SJKT dan SJKC). Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui ujian. Terdiri daripada 105 respondan dari sekolah SK, SJKT dan SJKC disekitar daerah segamat. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tahap penguasaan murid-murid dalam kemahiran menulis bahasa Melayu keseluruhannya berada pada tahap tinggi. Kemahiran menulis ini perlu mengasak dari kecil. Ia yang membantu membina anak yang berakal. Seterusnya menulis ini membina kerjaya kepada seseorang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara keseluruhannya, menunjukkan bahawa kemahiran menulis merupakan salah satu kemahiran bahasa yang paling kompleks dan mencabar untuk dikuasai oleh murid. Terdapat banyak kajian yang berusaha untuk mengatasi pelbagai masalah yang dihadapi oleh murid semasa mengarang tetapi tiada kajian yang memberi tumpuan bahagian pengolahan isi. Oleh sebab itu, pengkaji melakukan kajian ini untuk mengatasi masalah pengolahan isi karangan perbahasan dengan menggunakan teknik ToHuCoKeP.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2.2 Penggunaan Teknik dalam karangan

Teknik penstrukturan penulisan karangan dengan berasaskan bahan grafik multimedia interaktif perlu diaplikasi secara giat dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu yang membabitkan elemen kemahiran menulis (Adenan Ayob, 2021). tujuan kajian ini dilakukan untuk mengukur kesahan dan kebolehpercayaan teknik pengstrukturan penulisan karangan berasaskan grafik bitmap. Pengkaji melaksanakan kajian ini dengan reka bentuk kaedah kuantitatif.

Kajian ini lakukan di sebuah sekolah menengah daearah Shah Alam. Seramai 30 orang murid dijadikan sampel kajian ini. Kelemahan murid dalam mengarang karangan fakta dikesan dalam semua apek penulisan yang membabitkan isi, bahasa, dan pengolahan (Adenan Ayob, 2021). Isu yang sama timbul di mata pelajaran Bahasa Tamil juga. Murid kurang cekap dalam pengolahan isi.

Walaupun mereka menghasilkan isi yang bertaraf cemerlang tetapi lemah unuk menghuraikan isi tersebut. Masalah ini bukan sahaja pada murid tahap lemah tetapi murid cemerlang juga mempunyai masalah ini. Murid mempunyai isi tetapi tidak mempunyai teknik pengolahan isi tersebut. Bagi mengatasi masalah ini di karangan berfakta pengkaji Adenan Ayob menggunakan grafik bitmap di kajian dia.

Walaupun terdapat banyak kajian yang telah dilakukan untuk meningkat pencapaian penulisan karangan, tetapi pembelajaran berasaskan projek (PBP) adalah pendekatan yang memberi keutamaan dalam dunia kajian. Kaedah pembelajaran berasaskan projek telah diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pada tahun 2006. Tujuan di perkenalkan program PBP ini adalah untuk menggalakkan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran dengan mengintegrasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK). PBP adalah satu amalan terbaik dalam bidang PdP tetapi penggunaan kaedah ini amat kurang di sekolah berbanding dengan kaedah abad ke-21, pembelajaran lestari, dan penggunaan portal (Hidayatul Ajmal Tholibon, Zulkifli Osman, Anida Sarudin & Husna Faredza Mohamed Redzwans. 2022). Pengkaji menggunakan kajian kuantitatif dengan kaedah kuasa eksperimen. Pengkaji menggunakan kaedah instrumen ujian pra dan ujian pasca. Jumlah sample yang dipilih oleh pengkaji terdiri daripada 60 respondan murid tingkatan 4, pengkaji memecahkan kepada kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan.

Setiap kumpulan terdiri daripada 30 responden. Pemilihan sampel bergantung kepada markah ujian murid tersebut. Kurang pendedahan tentang kelebihan kaedah ini adalah salah satu punca ramai guru tidak mencuba kaedah ini semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Pendekatan ini membantu murid untuk memahami kandungan proses pembelajaran dengan mendalami. Pengkaji menggunakan pendekatan ini dalam PdPc kemahiran menulis karangan. Proses menulis karangan merupakan kemahiran yang paling sukar untuk dikuasai. Dalam kajian ini murid menghasilkan projek berdasarkan kemahiran yang ada di DSKP.

Berdasarkan projek itu murid menghasilkan karangan mereka. Projek ini tidak bergantung kepada teknik. Disebabkan itu murid kurang motivasi semasa proses PdPc (Hidayatul Ajmal Tholibon, Zulkifli Osman, Anida Sarudin & Husna Faredza Mohamed Redzwans. 2022). Semasa melaksanakan pendekatan pembelajaran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berasaskan projek dalam kemahiran mengarang guru meminta menggunakan teknik untuk mudah difahami oleh murid.

Disebab kajian ini berasaskan penggunaan Model Inkuiri 5E, pengkaji memilih reka bentuk kajian kualitatif. Terdapat 6 orang peserta kajian ini. Pengkaji menggumpul data melalui temu bual dan analisi secara deskriptif. Dapatan kajian ini mengatakan bahawa pengajaran guru menjadi lebih kreatif melalui penggunaan Model Inkuiri 5E. Model Inkuiri 5E membantu murid untuk menguasai Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) (Musirin Bin Mosin & Connie C. Ah Gang @ Christine, 2024). KBAT bermaksud murid perlu mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta sesuatu berkaitan dengan pembelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Musirin Bin Mosin & Connie C. Ah Gang @ Christine, 2024 mengatakan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran guru adalah menjurus kepada perbincangan, sumbang saran,pengumpulan bahan, pemberian tajuk awal, aktiviti berpusatkan murid, penggunaan tablet, teknik IMBaKup dan pembinaan soalan pemahaman, telah meninggalkan kesan positif kepada murid di mana mereka berasa seronok, tidak bosan, mudah faham, dan senang mengingat fakta yang di pelajari

Teknik IMBaKuP ini sangat dikenali dalam kalangan guru-guru bahasa Melayu. Teknik ini digunakan untuk mengolah isi karangan. Disebabkan itu, ramai pengkaji menggunakan teknik IMBaKuP dalam kajian mereka. Teknik IMBaKuP adalah Teknik yang memberi keutamaan untuk mengolah isi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara keseluruhannya, ramai pengkaji menggunakan banyak teknik untuk meningkatkan tahap kecemerlangan karangan murid mereka. Tetapi tiada pengkaji kajikan teknik ToHuCoKeP dalam kajian mereka dan juga ada kajian yang tidak dapat mengatasi masalah pengolahan isi karangan. Melalui teknik ToHuCoKeP murid dapat memberikan idea aras tinggi. Sebagai ilustrasi, guru akan memberi tajuk karangan sahaja. Murid perlu mencari isi dan mengembangkan isi tersebut melalui pengetahuan yang sedia ada dengan menggunakan teknik ToHuCoKeP.

Secara langsung teknik ToHuCoKeP melahirkan murid yang berkemampuan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi. Disebabkan itu pengkaji memilih teknik ToHuCoKeP. Melalui teknik ini murid mudah untuk mengolah isi. Bahagian pengembangan isi perlu menitik berat oleh pengarang. Bahagian perengan isi diumpama sebagai nyawa kepada karangan. Teknik ToHuCoKeP mendorong murid berada dilaluan yang betul semasa menulis karangan. Ia sesuai kepada semua tahap murid berbanding dengan pendekatan pembelajaran berasaskan projek

2.2.3 Persediaan Guru untuk Mengajar karangan.

Setiap pendidik perlu bersedia dalam semua aspek sebelum mengajar. Ia disebabkan, pendidik adalah seorang idola kepada murid. Oleh itu, kesediaan guru merupakan aspek yang perlu diberikan keutamaan. Kajian oleh Subramaniam A/L Raman, Muhammad Zuhair Zainal dan Fadzilah Amzah (2023) bertujuan meneliti tahap kesediaan, penglibatan serta penerimaan guru terhadap pembelajaran penulisan karangan Bahasa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Melayu secara dalam talian sepanjang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Kajian ini dijalankan terhadap guru-guru Bahasa Melayu menengah rendah di negeri Kedah. Respondan ini dipilih dengan menggunakan kaedah persampelan rawak bertujuan. Soal selidik adalah instrument yang digunakan untuk mengumpul data. Data yang dapat daripada borang soal selidik, dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif dan frekuensi. Dapatan kajian ini menunujukkan bahawa guru-guru mata pelajaran Bahasa Melayu menengah rendah bersedia dalam pengajaran karangan Bahasa Melayu tetapi guru-guru ini berhadapan dengan masalah penglibatan dan pemahaman murid dalam proses pengajaran penulisan karangan.

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah ptbupsi

Walaupun guru bersedia dalam semua aspek sebelum memasuki kelas, tetapi penglibatan murid amat mengecewakan dan ia mengurangkan motivasi guru untuk melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran. Bagi meningkatkan kefahaman dan penglibatan murid dalam proses PdP terutamanya semasa mengajar karangan guru perlu menggunakan teknik karangan sebagai meningkatkan motivasi murid. Sebagai contohnya, Teknik ToHuCoKeP adalah teknik yang membantu murid untuk meningkatkan kefahaman penulisan karangan. Sebagai ilustrasi, guru boleh memecahkan murid kepada beberapa kumpulan dan memberi satu kumpulan satu isi. Minta murid mengembangkan isi tersebut dengan menggunakan teknik ToHuCoKeP.

Secara tidak langsung, sebagai pendidik kita dapat meningkatkan penglibatan dan kefahaman murid didalam kelas. Teknik ini bukan sahaja boleh digunakan dalam kelas bersemuka sahaja, malah di atas talian juga boleh digunakan. Sebagai contohnya,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sekiranya guru menggunakan saluran *google meet*, boleh membahagikan murid kepada beberapa kumpulan dengan menggunakan break out room. Dengan ini, murid boleh membincangkan tentang isi dengan menggunakan teknik ToHuCoKeP ini. Teknik ToHuCoKeP ini kaedah yang paling tepat untuk meningkatan kefahaman dan penglibatan murid semasa proses pengajaran kemahiran menulis.

Berdasarkan tinjauan literatur yang dijalankan, jelas menunjukkan bahawa kemahiran menulis, terutamanya dalam genre perbahasan, adalah satu aspek kritikal dalam penguasaan bahasa (Flower & Hayes, 1981; Graham & Perin, 2007). Pelbagai kajian telah membuktikan keberkesanan pendekatan pengajaran berstruktur dan penggunaan alat bantu seperti peta minda dan peta konsep untuk meningkatkan kemahiran ini (Novak & Gowin, 1984; Rahimah Hj. Ahmad, 2012). Dalam konteks pengajaran Bahasa Tamil di Malaysia, beberapa kajian telah dijalankan untuk mengkaji amalan pengajaran karangan (K. Santhi, 2019), cabaran yang dihadapi (Sivagurunathan, 2016), malah ada juga kajian yang menguji keberkesanan teknik-teknik spesifik seperti kaedah 'ACRO' (A. Letchumy, 2017).

Walau bagaimanapun, walaupun terdapat banyak kajian tentang kemahiran menulis secara umum dan beberapa kajian spesifik dalam Bahasa Tamil, masih terdapat beberapa ruang kajian yang ketara yang belum diisi seperti Kekurangan Kajian Mengenai Teknik ToHuCoKeP Secara khususnya, jurang penyelidikan yang paling ketara ialah ketiadaan kajian empirikal yang menilai keberkesanan Teknik ToHuCoKeP secara mendalam. Walaupun terdapat teknik penulisan berstruktur lain yang telah terbukti berkesan (Letchumy, 2017; Graham & Perin, 2007), ToHuCoKeP yang mempunyai akronim serta struktur tersendiri masih belum diterokai melalui kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

saintifik. Penyelidikan sebegini penting untuk menentukan sama ada teknik tersebut memberikan kesan yang berbeza atau lebih baik berbanding teknik yang sudah sedia digunakan.

Selain itu, terdapat juga kekangan dari segi fokus penyelidikan terhadap genre karangan perbahasan dan tahap Tingkatan 3. Kebanyakan kajian terdahulu berkaitan penulisan Bahasa Tamil memberi perhatian kepada genre karangan secara umum (Ramaiah, 2015) atau genre lain seperti naratif. Karangan perbahasan pula mempunyai ciri-ciri khusus seperti pembinaan hujah, penyediaan data sokongan dan penolakan hujah pihak lawan (Toulmin, 1958). Namun, kajian yang memberi tumpuan khusus terhadap penggunaan teknik penulisan bagi genre ini dalam kalangan murid Tingkatan 3 masih sangat terhad. Sedangkan, peringkat ini merupakan fasa penting sebelum peperiksaan utama, dan mengetahui teknik yang paling berkesan untuk mereka adalah amat diperlukan.

Ketiga, Kekurangan Kajian tentang Mekanisme Kognitif di Sebalik Teknik. Kajian sedia ada sering melaporkan keberkesanan sesuatu teknik dari segi pencapaian akhir (output), tetapi kurang meneroka bagaimana teknik tersebut berfungsi dari perspektif kognitif pelajar. Sebagai contoh, adakah teknik TOHUCOKEP membantu pelajar dalam fasa perancangan (planning) seperti yang dicadangkan oleh Flower & Hayes (1981) Adakah ia membantu pelajar bergerak dari tahap *'knowledge-telling'* ke *'knowledge-transforming'* (Bereiter & Scardamalia, 1987). Jadi ruang kajian ini wujud untuk mengkaji proses dalaman yang berlaku apabila pelajar menggunakan teknik tersebut. Keempat, Kekurangan Integrasi Antara Teori, Teknik, dan Konteks Bilik Darjah. Walaupun teori pengajaran seperti 'scaffolding' (Bruner, 1976) dan teori

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pembelajaran sosial (Vygotsky, 1978) menjadi asas kepada banyak teknik pengajaran, kurang kajian yang menghubungkan teori ini secara langsung dengan pelaksanaan satu teknik spesifik seperti ToHuCoKeP dalam konteks sebenar bilik darjah Bahasa Tamil. Kajian yang menggabungkan aspek teoritikal, keberkesanan praktikal teknik, dan persepsi guru serta pelajar (Devaki, 2021) masih diperlukan.

Oleh itu, wujudnya sebuah ruang kajian yang signifikan untuk menjalankan satu kajian yang komprehensif. Kajian ini akan mengisi kekosongan sedia ada dengan (a) mengkaji keberkesanan Teknik ToHuCoKeP secara empirikal, (b) memfokuskan aplikasinya pada genre karangan perbahasan untuk pelajar Tingkatan 3, (c) menganalisis mekanisme kognitif yang terlibat, dan (d) menilai integrasinya dalam konteks pedagogi pengajaran Bahasa Tamil di Malaysia. Dengan demikian, kajian ini dijangka dapat memberikan sumbangan teoritikal dan praktikal yang bermakna kepada bidang pendidikan Bahasa Tamil.

2.3 Rumusan

Secara keseluruhannya, bab 2 ini membincangkan tentang kemahiran menulis karangan, teknik pengajaran penulisan dan peranan serta persediaan guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Kajian-kajian lepas yang digunakan dalam kajian ini menunjukkan bahawa kemahiran menulis merupakan satu kemahiran bahasa yang rumit dan memerlukan bimbingan yang berterusan. Penguasaan struktur ayat dan tatabahasa sahaja tidak memadai; murid juga perlu mahir dalam mengolah idea, menyusun hujah, serta mengembangkan pemikiran secara kritis dan sistematik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pelbagai teknik pengajaran telah diperkenalkan oleh para penyelidik dan pendidik bagi membantu murid menguasai kemahiran menulis dengan lebih berkesan. Tetapi dalam konteks ini, teknik ToHuCoKeP digunakan oleh pengkaji dan ia diketengahkan sebagai satu kaedah yang berpotensi membantu murid menulis karangan perbahasan dengan lebih tersusun dan kreatif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.1 Pengenalan

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka metodologi merupakan satu sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegian, disisplin dan sebagainya. Bab ini membincangkan tentang reka bentuk kajian, persampel kajian, alat kajian, pengumpulan data, menganalis data,kaedah menganalisis data dan teori yang digunakan untuk menjalankan kajian ini.


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.2 Reka bentuk kajian

Reka bentuk kajian amat penting untuk penyelidikan. Hal ini kerana ia berperanan sebagai panduan kepada penyelidik dalam mencapai objektif kajian serta menjawab soalan-soalan penyelidikan. Tujuan kajian ini adalah untuk memastikan tahap keberkesanan penggunaan ToHuCoKeP sebagai bahan pengajaran menulis karangan perbahasan tingkatan 3. Pengkaji menggunakan kajian berbentuk kualitatif. Kajian kualitatif ini melibatkan angka dan data-data numerikal. Pengiraan min, median, mod, peratus dan sebagainya melibatkan dalam statistik. Reka bentuk merupakan proses sistematik untuk mengumpul dan menganalisis maklumat untuk mengambil tindakan yang sewajarnya bagi menambah baik amalan tugas dan pengurus.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 3.1. Reka Bentuk Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.1.

Terperincian Reka Bentuk Kajian

Persoalan kajian	**Instrumen**	**Analisis**
Apakah tahap pencapaian murid dalam penulisan karangan perbahasan?	➢ Ujian pra ➢ Analisis item peperiksaan ➢ Dialog prestasi	➢ Jadual ➢ Graf bar
Sejauh manakah latihan menggunakan teknik ToHuCoKeP dapat membantu murid mengolah isi dan Menyusun hujah dengan lebih teratur dan berkesan?	➢ Karangan respondan	➢ Jadual
Bagaimanakah teknik ToHuCoKeP mempengaruhi pengorganisasian struktur karangan terbuka bahasa tamil dalam kalangan murid tingkatan 3?	➢ Karangan respondan ➢ Penskoran Bahasa Tamil tingkatan 3	➢ Jadual
Bagaimanakah Teknik ToHuCoKeP membantu meningkat pencapaian murid tingkatan 3 di bahagian karangan perbahasan?	➢ Ujian pasca ➢ Temu bual	➢ ➢ Graf


Dalam reka bentuk kajian ini, penyelidik menyelidikan sampel melalui markah peperiksaan pertengahan tahun. Penyiasatan hanya boleh menggunakan sampel murid sekolah menengah iaitu tingkatan 3 sahaja. Reka bentuk ujian pra dan ujian pasca menggunakan kumpulan yang sama. Dalam kajian ini menurut Che Hat, el (2014), penyelidik mengumpul data primer menggunakan alat ujian pra dan pasca serta soalan terperinci.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.3 Kerangka prosedur kajian

Setelah persampelan selesai, semua sampel menjalani ujian pra empat puluh lima minit untuk menilaikan kecekapan. Selepas melengkapkan ujian pra, sempel mengikuti sesi pengajian selama lapan minggu. Soalan karangan Ujian Akhir Sesi Akademi (UASA) dan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) yang digunakan dalam kajian ini. Soalan ini di iktiraf oleh Lembaga Peperiksaan Malayais (LPM). Penskoran yang di sediakan oleh LPM dijadikan sebagai garis panduan untuk semak transkrip respondan.



Rajah 3.2. Kerangka Prosedur Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4 Populasi dan Persampelan

Penentuan populasi dan sampel merupakan elemen kunci dalam metodologi penelitian yang mempengaruhi keandalan dalam konteks kuantitatif dan kualitatif. Populasi dan pensempelan adalah penting untuk setiap kajian. Beberapa penelitian sebelumnya telah memberikan pandangan umum mengenai konsep dasar populasi dan sampel, serta penentuan ukur sampel (Amin et al., 2023), namun penentuan populasi dan sampel dalam konteks penelitian kuantitatif dan kualitatif masih diperlukan untuk mendapatkan pemahaman komprehensif.

3.4.1 Populasi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pemahaman yang mendalam mengenai konsep populasi merupakan elemen utama dalam penyelidikan, kerana ia secara langsung mempengaruhi kesahihan hasil penyelidikan. Dalam penyelidikan kuantitatif 41r ai utama adalah generalisasi hasil, manakala penyelidikan kualitatif lebih menekankan kepada pemahaman yang mendalam (Borgstede & Scholz, 2021). Sebagai contoh, pemahaman tentang konsep populasi sasaran, populasi pencapaian, dan teknik persampelan dapat dilihat melalui soalan-soalan kajian yang sedang dikaji.

Populasi kajian ini terdiri daripada murid tingkatan 3 yang mempelajari mata pelajaran Bahasa Tamil di sebuah sekolah menengah kebangsaan. Secara keseluruhannya, kumpulan populasi ini merangkumi semua murid yang terlibat dalam pembelajaran penulisan karangan Bahasa Tamil, terutamanya bahagian karangan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

perbahasan. Pemilihan populasi ini dibuat kerana mereka merupakan kumpulan murid yang sedang bersedia untuk ke menengah atas dan mereka perlu menguasai kemahiran mengarang dengan baik. Berdasarkan analisis item kertas soalan pertengahan tahun dan laporan dialog prestasi peperiksaan pertengahan tahun, didapati semua murid dalam populasi ini lemah dalam penulisan karangan perbahasan. Terutamanya dalam aspek pengolahan isi dan penyusunan hujah. Oleh itu, populasi ini sangat sesuai untuk kajian ini.

3.4.2 Persampelan Kajian

Teknik persampelan, merupakan satu 42r aini yang penting dalam proses penyelidikan kerana teknik yang dipilih akan mempengaruhi sejauh mana hasil kajian dapat digeneralisasikan kepada populasi atau memberikan pemahaman yang lebih komprehensif berdasarkan reka bentuk kajian. Teknik pensampelan di bahagi kepada dua. Iaitu persempelan kebarangkalian dan bukan kebarangkalian (Sugiono, 2021).

Bagi kajian ini pengkaji menggunakan prosedur persampelan bertujuan dari prosedur persempelan bukan kebarangkalian. Prosedur persempelan bertujuan bermaksud sekumpulan subjek yang mempunyai ciri-ciri tertentu sahaja dipilih sebagai respondan kajian berdasarkan pengetahuan dan tujuan khusus penyelidikan pengkaji. Responden dalam kajian ini terdiri daripada murid sekolah menengah yang menghadapi masalah dalam kemahiran menulis karangan perbahasan dan merupakan pelajar bahasa Tamil. Pengkaji memilih seramai 30 orang murid tingkatan tiga daripada sebuah sekolah dijadikan sebagai respondan bagi kajian ini. Semua responden akan mengikuti

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sesi pembelajaran penulisan karangan perbahasan bahasa Tamil dengan menggunakan teknik ToHuCoKeP.

3.5 Instrumen Kajian

Instrumen adalah alat untuk mengumpul data bagi kajian yang dilakukan. Instrumen kajian yang digunakan terdiri daripada ujian pra dan ujian pasca. Alat kajian ini dibangunkan berdasarkan KSSM, dokumen kurikulum standard yang disediakan oleh Jabatan Pembangunan kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.

3.5.1 Ujian Pra

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sebelum menjalankan intervensi, murid akan menjalani satu ujian pra, yang diberikan kepada semua respondan kajian. Ujian pra digunakan untuk mendapatkan data-data bagi mengenal pasti murid-murid yang lemah agar dapat diberikan bantuan awal. Ujian pra akan menjalankan selama 45 minit. Ia sama dengan masa yang diperuntukan oleh Lembaga Peperiksaan. Murid akan diberi tajuk UASA 2024 negeri Johor. Iaitu;-

- (மலேசியர்களின் ஆரோக்கியமற்ற வாழ்க்கைக்கு உணவு பழக்கமே காரணம். இத்தலைப்பில் 180 சொற்களில் வாதக் கட்டுரை எழுதுக). Gaya pemakanan menjadikan punca utama untuk masalah kesihatan penduduk Malaysia. Menulis sebuah karangan perbahasan dalam 180 patah perkataan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selepas melengkapkan ujian pra, semua respondan akan mengikuti pembelajaran berasaskan Teknik ToHuCoKeP selama lapan minggu.

3.5.2 Ujian Pasca

Ujian Pasca ditadbir selepas tamat sesi pembelajaran kelas intervensi untuk menentukan tahap prestasi selepas mengambil bahagian proses pembelajaran. Semua respondan akan menjalani ujian pasca ini. Sama tema tetapi tajuk yang berlainan daripada ujian pra akan diberikan semula di ujian pasca. Melalui ini pengkaji dapat mengenal pasti teknik yang diguna adalah berkesan atau sebaliknya. 45 minit akan diperuntukkan untuk respondan menulis karangan perbahasan.

Panjang karangan responden mestilah tidak melebihi 180 patah perkataan. Jumlah perkataan ini ditetapkan mengikut DSKP. Skrip karangan responden akan menyemak mengikut penskoran yang ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan. Jadual 3.2 menunjukkan markah mengikut dengan setiap gred. Jadual ini juga menurut Lembaga Peperiksaan Malaysia menengah rendah bagi Bahasa Tamil kod kertas 33 (KPM, 2021).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.2

Contoh Gred Karangan

Markah	Gred
33 – 40	A
26 – 32	B
17 -25	C
10 -16	D
1 -9	E
0	F

Jadual 3.3

Kriteria Penskoran

PERINGKAT	MARKAH	DESKRIPSI
[A] Cemerlang	**Cemerlangan** 37 – 40 **Sederhana** 36 **Lemah** 33 – 35	- Karangan yang unggul - Isi utama karangan mengambarkan sangat relevan dengan tajuk - Huraian isi penuh dengan kosa kata spesifik bidang, gaya huraian yang cemerlang dan huraian mempunyai kaitan antara satu sama lain. - Penggunaan karya sastera yang tahap cemelang - Kesalahan tatabahasa yang sangat minimum
[B] Kepujian	**Cemerlangan** 30 – 32 **Sederhana** 29 **Lemah** 26 – 28	- Karangan mengambarkan tahap baik - Hujah isi mempunyai contoh yang relevan - Huraian isi yang mempunyai kosa kata spesifik bidang, gaya huraian yang terbaik dan huraian mempunyai kaitan antara satu sama lain. - Penggunaan karya bahasa yang terperinci - Kesalahan tatabahasa yang minimum
[C] Baik	**Cemerlangan** 22 – 25 **Sederhana** 21 **Lemah** 17 – 20	- Karangan menggambarkan tahap sederhana - Tahap penggunaan isi yang agak sederhana - Huraian isi yang sesuai dengan tajuk, penggunaan kosa kata yang spesifik bidang dan gaya bahasa yang baik - Penggunaan karya bahasa yang tepat - Kesalahan tatabahasa yang kurang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

[D] Penguasaan Minimum	**Cemerlangan** 14 – 16 **Sederhana** 13 **Lemah** 10 – 12	- Karangan mengambarkan tahan memuaskan - Isi karangan yang umum - Huraian isi yang kekurangan kosa kata dan gaya bahasa yang tidak tepat - Kesalahan tatabahasa yang memuaskan - Tahap memuaskan penggunaan karaya sastera
[E] Tidak Mencapai Tahap Penguasaan Minimum	**Cemerlangan** 06 – 09 **Sederhana** 05 **Lemah** 01 – 04	- Jawapan mengambarkan penguasaan yang lemah - Jawapan tidak atau kurang menepati kehendak soalan - Hujah yang kurang jelas dari segi kosa kata - Gaya penulisan yang menimbulkan kekeliruan - Kesalahan dari segi penggunaan karya sastera - Kesalahan tatabahasa yang banyak
[F]	0	Tidak menjawab

Contoh gred karangan dan kriteria penskoran ini diadaptasi daripada Lembaga Peperiksaan yang digunakan sebagai panduan penskronan untuk karangan perbahasan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.6 Cara Pengumpulan Data

Pengumpulan data boleh dibuatkan melalui dua cara iaitu, data kualitatif dan data kuantitatif. Pengkaji mengunakan data kualitatif. Data kualitatif adalah data yang berbentuk hujah, angka atau bilangan. Data kualitatif boleh diukur, melalui proses pengukuran dan memerlukan alat-alat pengukuran seperti ujian.

Peserta kajian adalah sample yang dipilih dengan menggunakan teknik persampelan tertentu. Penyelidik mengkaji populasi data sampel yang mewakili populasi manakala saiz sampel adalah besar dan dipilih berasaskan keberangkalian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sebelum melakukan intervensi, murid diminta menulis karangan perbahasan sebagai ujian pra untuk mengenal pasti tahap awal kemahiran menulis karangan perbahasan mereka. Setelah pelaksanaan latihan dengan menggunakan teknik ToHuCoKeP, akan diikuti dengan ujian pasca bagi menilai perubahan dari segi pengolahan isi dan penyusunan hujah. Hasil karangan murid akan disemak dengan menggunakan penskoran yang di sediakan oleh LPM. Akhir sekali, data ujian pra, ujian pasca dan data temu bual akan dianalisis secara kualitatif.

3.7 Temu Bual

Selain pengumpulan data melalui murid, pengkaji turut menjalankan temu bual separa berstruktur dengan beberapa orang guru Bahasa Tamil dan Ketua Panitia Bahasa Tamil. Tujuan temu bual ini adalah untuk mendapatkan pandangan guru mengenai keberkesanan teknik ToHuCoKeP sebagai salah satu strategi pengajaran. Temu bual dijalankan secara bersemuka atau dalam talian, bergantung pada kesesuaian masa guru yang terlibat. Soalan temu bual disediakan terlebih dahulu bagi memastikan perbincangan berjalan secara teratur dan maklumat berkait terus dengan objektif kajian yang ketiga. Soalan temubual dilampirkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.4

Latar Belakang Guru Menemubual

Aspek		Kekerapan	Peratus (%)
Jantina	Perempuan	2	100
Umur	40-an	2	100
Kelulusan Akademik	Sarjana Muda Bahasa Tamil	2	100
Institusi Pengajian	Universiti Malaya	1	50
	Universiti Pendidikan Sultan Idris	1	50
	Jumlah	**2**	**100**
Kelas Mengajar	Tingkatan 1-5	2	100
	Jumlah	**2**	**100**
Pengalaman Mengajar Bahasa Tamil Di Sekolah Menengah	20 Tahun	1	50
	9 Tahun	1	50
	Jumlah	**2**	**100**
Tugas	**Ketua Panitia**	**1**	50
	Guru Matapelajaran	**1**	50
	Jumlah	**2**	**100**


3.8 Analisis Data

Data akan dikumpulkan, dianalisis dan diinterpretasikan untuk mendapatkan hasil dapatan daripada 2 kaedah pengumpulan data iaitu ujian pra dan ujian pasca. Data ini yang membantu untuk mengukur peningkaan kemahiran menulis karangan perbahasan murid tingkatan 3 melalui teknik ToHuCoKeP.

Berikut ialah perancangan cara untuk menganalisis data seperti yang ditunjukkan dalam rajah 3.3.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 3.3. Penganalisis data

Proses analisis data dimulakan dengan mengumpul data yang menggunakan kaedah tertentu. Semasa analisis data dijalankan, perkara pertama yang perlu diberi perhatian ialah memastikan kesemua dokumen dan data-data yang diperolehi lengkap. Bagi mengklasifikasikan dan mengkategorikan data, dilakukan dengan merekod data ujian pra, latihan dan ujian pasca kualitatif.

Peringkat kedua dalam analisis data dengan memaparkan data di dalam bentuk jadual kekerapan. Hasil daripada jadual data yang diperolehi boleh dilaksanakan secara sistematik. Akhir sekali, membuat kesimpulan berdasarkan hasil analisis yang dibuat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.9 Teori Kajian

Pengkaji memilihkan teori konstruktivisme untuk kajian ini. Teori konstruktivisme berasaskan kepada tiga asas utama iaitu murid membina, meruntuh dan membina semula pengetahuan mereka sendiri. Berikutnya membina, meruntuh dan membina semua sesuatu makna ialah pembelajarana. Seterusnya, pembelajaran berlaku apabila murid menstruktur semua idea sedia ada dengan menghubungkaitkan idea baru dengan yang lama.

Prinsip konstruktivisme terdiri daripada proses berterusan dan aktif, melibatkan aktiviti mental dan sosial, penggunaan bahasa, mempunyai konteks, pengetahuan untuk belajar, masa yang mencukupi, seta metakognisi (kesedaran dan kebolehan mengawal proses berfikir seorang semasa pembelajaran) dan motivasi merupakan komponen penting dalam pembelajaran.

Pembelajaran secara konstruktivisme bermaksud suatu kaedah pembelajaran yang menggalakkan murid membina sendiri pengetahuan atau konsep secara aktif berdasarkan pengetahuan atau pengalaman sedia ada. Dalam kajian ini murid menggunakan pengetahuan yang sedia ada tentang topik yang dipelajari dan menciptakan isi utama. Dengan isi utama tersebut murid akan menghuraikan isi tersebut dengan teknik ToHuCoKeP. Murid akan memberi hujah yang sempurna. Secara tidak langsung teori konstruktivisme dapat dilaksanakan.

Berdasarkan teori ini, murid tidak hanya menerima ilmu secara pasif daripada guru, malah mereka akan membangunkan pengetahuan baharu tentang topik yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

diberi berdasarkan pengalaman sedia ada dengan bimbingan dan sokongan guru. Pada masa ini guru hanya menjadi sebagai fasilitator sahaja. Pembelajaran menjadi lebih makna apabila murid terlibat tanpa penglibatan guru secara keseluruhan.

Dalam kajian ini, pengkaji mengaplikasikan teori konstruktivisme melalui penggunaan teknik ToHuCoKeP. Ia adalah satu pendekatan pengajaran karangan perbahasan yang menekankan proses pembelajaran aktif yang berpusatkan murid. Melaui teknik ToHuCoKeP ini murid akan menjana idea atau isi utama daripada pengalaman yang sedia ada berdasarkan dengan tajuk. Selepas itu murid akan menyusun hujah dan pendapat sendiri secara logik. Seterusnya murid akan berinteraksi dengan rakan dan guru semasa latihan intervensi, perbincangan dan penulisan bersama. Ia dapat membentuk pengalaman yang lebih mendalam tentang struktur karangan perbahasan. Akhir sekali, murid akan merefleksikan hasil penulisan mereka sendiri untuk mengenal pasti kelemahan dan dapat memperkukuhkan penguasaan kemahiran menulis karangan perbahasan. Oleh itu, teori konstruktivisme menjadi asas penting dalam kajian ini. Konstruktivisme berdasarkan empat elemen. Iaitu :-

Jadual 3.5

Proses Teori Konstruktivisme dalam Kajian

Elemen Teori	Proses di Kajian
Permulaan atau mencungkil idea bertujuan membuat berkaitan dengan pengalaman murid.	Respondan akan mengeluarkan idea-idea mengenai topik
Kedua, penstrukturan semula ialah aktiviti menglibatkan penerokaan, hands-on, mind-on, hearts-on dan pentaksiran.	Memperkenalkan teknik ToHuCoKeP
Ketiga, mengaplikasi idea dengan aktiviti pengayaan melalui penyelesaian masalahdan pentaksiran.	Mengolahkan dengan menggunakan teknik ToHuCoKeP

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Keempat, refleksi atau penutup bertujuan untuk membandingkan pengetahuan baru dengan idea lama agar dapat membuat kesimpulan.	Menghasilkan petikan yang lengkap

3.10 Rumusan

Bab ini menerangkan tentang reka bentuk kajian dan metodologi kajian yang digunakan untuk mencapai objektif kajian. Pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif untuk mengkaji data yang diperoleh daripada kajian ini. Tujuan kajian ini ialah untuk menilai keberkesanan teknik ToHuCoKeP dalam meningkatkan kemahiran menulis karangan perbahasan kalangan murid tingkatan 3. Dalam bab ini juga menerangkan secara terperinci tentang populasi dan persempelan kajian, iaitu seramai 30 orang murid tingkatan 3 dipilih sebagai responden kajian. Seterusnya ujian pra dan ujian pasca dijadikan sebagai kaedah pengumpulan data. Teori konstruktivisme menjadi asas untuk melaksanakan teknik ToHuCoKeP dalam kajian ini. Secara keseluruhannya, metodologi yang digunakan dalam kajian ini dirancang dengan teliti bagi memastikan pelaksanaan teknik ToHuCoKeP dapat dinilai secara sistematik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengumpulan data merupakan langkah strategik dalam penelitian kerana ia menentukan kualiti hasil akhir yang diperoleh daripada kajian (Siti Romdana, Silvia Senja Junista & Ahmad Gunawan. 2025). Bab ini menunjukkan pengumpulan data yang diperoleh hasil daripada pelaksanaan teknik ToHuCoKeP dalam pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan perbahasan Bahasa Tamil dalam kalangan murid tingkatan 3. Tujuan utama bab ini adalah untuk menilai sejauh manakah teknik ToHuCoKeP berjaya membantu murid untuk meningkat kemahiran mengarang, khususnya dalam aspek pengolahan isi dan penyusunan hujah.

Seterusnya, dapatan kajian dibentangkan berdasarkan objektif dan persoalan kajian yang telah ditetapkan. Data dapatan kajian diperoleh melalui beberapa kaedah. Antaranya melalui ujian pra, ujian pasca, latihan intervensi dan temu bual tidak formal

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dengan beberapa guru Bahasa Tamil. Analisis yang dijalankan menumpukan kepada perubahan dan peningkatan kemahiran pelajar selepas pelaksanaan intervensi. Disamping itu, pengkaji turut membincangkan hasil analisis data secara kualitatif, termasuk pemerhatian terhadap penglibatan murid, kefahaman mereka terhadap langkah-langkah teknik ToHuCoKeP, dan juga pandangan murid terhadap keberkesanan teknik tersebut.

Teori Konstruktivisme juga dapat dikaitkan dalam kajian ini dan ia menjadi asas kajian ini. Ia dapat menunjukkan bagaimana pendekatan pembelajaran berpusatkan murid dapat membantu mereka membina kemahiran mengarang melalui pengalaman dan bimbingan aktif guru. Secara keseluruhannya, bab 4 ini memberi gambaran menyeluruh tentang kesan pelaksanaan teknik ToHuCoKeP terhadap peningkatan pencapaian murid dalam menulis karangan perbahasan Bahasa Tamil.

4.2 Dapatan Ujian Pra Dan Ujian Pasca

Bagi menilai keberkesanan Teknik ToHuCoKeP terhadap kemahiran menulis karangan perbahasan, pengkaji telah melaksanakan dua jenis ujian. Iaitu ujian pra sebelum melaksanakan latihan intervensi dan ujian pasca selepas melaksanakan latihan intervensi pada murid. Kedua-dua ujian ini bertujuan untuk melihat tahap penguasaan murid dalam aspek pengolahan isi dan penyusunan hujah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.1 Mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh murid dalam penulisan karangan perbahasan.


Objektif satu kajian ini ialah mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh murid dalam penulisan perbahasan. Objektif kajian yang pertama dijawab dengan analisis item peperiksaan pertengahan tahun, dialog prestasi pertengahan tahun tersebut dan juga melalui temu bual dengan guru Bahasa Tamil dan ketua panitia Bahasa Tamil sekolah tersebut. Hasil sumber-sumber ini mengatakan kebanyakan murid yang menjawab karangan perbahasan mempunyai masalah untuk mengemukakan karangan yang bertaraf cemerlang. Terutamanya dalam mengembangkan isi penting dan tidak dapat memberikan hujah yang bernas mengikut tajuk atau isi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ujian pra dijalankan untuk mengenal pasti sejauh manakah murid mempunyai masalah ini. Pengkaji menggunakan penskoran yang diiktirafkan oleh Lembaga Peperiksaan untuk menyemak skrip jawapan murid. Pemarkahan atau penyemakan skrip jawapan murid melalui tiga kriteria utama iaitu idea, bahasa dan pengolahan. Walaupun penandaan karangan biasanya secara holistik, tetapi guru biasanya menentukan jumlah mata yang diperoleh setiap bahagian mengikut perenggan pendahuluan, perengan isi dan perenggan penutup. Pengagihan markah biasanya mengikut guru. Pengkaji mengagihkan markah mengikut pengagihan rajah 4.1

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.1. Pengagihan Markah

Analisi item kertas soalan peperiksaan pertengahan tahun mengatakan 23 murid daripada 30 orang murid tidak mendapat tahap cemerlang. Keadaan ini memberi kerisauan yang tinggi. Selepas dianalisis, 18 orang murid daripada 23 orang murid menjawab soalan karangan perbahasan. Bagi bahagian lain mereka mendapat markah yang cemerlang tetapi karangan mereka kurang mencapai tahap cemerlang. Jadual 4.1 menunjukkan markah murid yang menjawab soalan karangan perbahasan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.1

Markah dan Tahap Pencapaian Peperiksaan Pertengahan Tahun

Bil	**Murid**	**Markah (/40)**	**Tahap Pencapaian**
1	Murid 1	18	[baik]
2	Murid 2	19	[baik]
3	Murid 3	12	[penguasaan minimum]
4	Murid 4	10	[penguasaan minimum]
5	Murid 5	15	[penguasaan minimum]
6	Murid 6	11	[penguasaan minimum]
7	Murid 7	8	[tidak mencapai tahap penguasan minimum]
8	Murid 8	20	[baik]
9	Murid 9	19	[baik]
10	Murid 10	19	[baik]
11	Murid 11	16	[penguasaan minimum]
12	Murid 12	14	[penguasaan minimum]
13	Murid 13	12	[penguasaan minimum]
14	Murid 14	15	[penguasaan minimum]
15	Murid 15	17	[baik]

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

16	Murid 16	17	[baik]
17	Murid 17	15	[penguasaan minimum]
18	Murid 18	21	[baik]

Berdasarkan jadual 4.1 kita dapat melihat purata markah dan pencapaian yang diperoleh murid yang menjawab soalan karangan perbahasaan. Laporan dialog prestasi dan karangan murid mengatakan mempunyai beberapa punca yang menyebabkan keadaan ini. Bagi mengenal pasti punca sebenar keadaan ini, pengkaji melakukan ujian pra kepada semua murid tingkatan 3 di sekolah tersebut. Pengkaji melibatkan semua murid dalam ujian pra ini bagi memastikan sejauh manakah mereka mempunyai pengetahuan tentang karangan perbahasan. Seramai 30 orang murid menduduki ujian pra ini. Hasil ujian pra, laporan dialog prestasi dan karangan murid menunjukkan punca sebenar kenapa murid tingkatan 3 tidak dapat markah cemerlang bagi soalan karangan perbahasan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.2. Sebab kekurangan markah soalan karangan perbahasan mengikut ujian pra

Rajah 4.2. menunjukkan lima punca utama yang mendorong untuk murid tidak dapat markah atau tahap pencapaian yang cemerlang. Ramai murid mempunyai masalah dalam mengolah isi. Berdasarkan rajah yang diatas 70% murid mempunyai masalah pengolahan isi. Iaitu seramai 21 orang murid daripada 30 orang murid tingkatan 3. Ini adalah jumlah yang besar dan ia adalah masalah yang agak serius. Walaupun ramai dikalangan mereka mempunyai empat hingga lima isi penting yang boleh dikategori isi terbaik, tetapi mereka tidak dapat mengolah isi tersebut. Disebabkan ini, kebanyakkan murid mendapat markah dalam 15 hingga 22 sahaja. Iaitu tahap pencapaian penguasaan minimum dan baik sahaja. Sekiranya mereka kurang faham soalan atau masalah bahasa, adalah masalah kedua yang dihadapi oleh murid tingkatan 3 semasa menulis karangan perbahasan. 3 orang murid atau 10% daripada bilangan asal mempunyai masalah tersebut. Disebabkan 21 murid tidak mengolah isi dengan lengkap, masalah bahasa tidak dapat dikenal pasti sepenuhnya. Masalah tatabahasa, kosa kata, penanda wacana, masalah noktah dan masalah ayat tidak sempurna dikategorikan dalam masalah bahasa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Apabila guru menilai esei, mereka melihatnya secara keseluruhan, tetapi mereka juga membahagikan markah kepada bahagian yang berbeza. Biasanya pendahuluan mendapat 4 markah, kesimpulan mendapat 3 markah, dan bahagian bahasa seperti tatabahasa dan gaya penulisan mendapat 5 markah. Bahagian terbesar markah adalah untuk penjelasan utama atau badan esei anda, yang bernilai 28 markah. Perkara seperti kesilapan dalam tatabahasa, cara anda menggunakan perkataan daripada buku, gaya penulisan anda dan kata penghubung semuanya disertakan dalam bahagian bahasa.

Jadual 4.2

Markah Mengikut Pecahan Markah Ujian Pra

Murid	**Pecahan pemarkahan**					**Tahap Pencapaian**
	Pendahuluan	**Isi**	**Penutup**	**Bahasa**	**Markah**	
Murid 1	3	9	2	2	16	Penguasaan minimum
Murid 2	3	12	2	2	19	Baik
Murid 3	2	7	1	3	13	Penguasaan minimum
Murid 4	2	7	0	2	11	Penguasaan minimum
Murid 5	3	9	0	3	15	Penguasaan minimum
Murid 6	2	6	1	2	11	Penguasaan minimum
Murid 7	1	6	0	1	8	Telah mencapai tahap minimum
Murid 8	3	13	1	3	19	Baik
Murid 9	2	14	0	2	18	Baik
Murid 10	2	13	1	3	19	Baik
Murid 11	3	10	0	3	16	Penguasaan minimum

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Murid 12	1	9	1	2	14	Penguasaan minimum
Murid 13	2	9	1	2	14	Penguasaan minimum
Murid 14	1	11	2	2	16	Penguasaan minimum
Murid 15	3	9	3	2	17	Baik
Murid 16	4	9	2	3	18	Baik
Murid 17	3	9	0	3	15	Penguasaan minimum
Murid 18	4	14	2	2	22	Baik
Murid 19	3	10	2	2	17	Baik
Murid 20	3	10	2	2	17	Baik
Murid 21	3	11	0	2	16	Penguasaan minimum
Murid 22	3	14	1	2	20	Baik
Murid 23	3	12	2	3	19	Baik
Murid 24	2	6	1	2	11	Penguasaan minimum
Murid 25	3	10	2	2	17	Baik
Murid 26	2	10	1	2	15	Penguasaan minimum
Murid 27	3	13	1	4	21	Baik
Murid 28	3	19	0	3	26	Kepujian
Murid 29	3	17	2	2	24	Baik
Murid 30	3	11	2	3	19	Baik

Jadual 4.2 menunjukkan jumlah markah didapati oleh responden kajian ini semasa ujian pra. Tiada murid yang berada di tahap cemerlang. Hanya seorang sahaja

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang berada di tahap pencapaian kepujian. Iaitu murid 28 jumlah markahnya 26. Kebanyakan murid yang mengikuti kajian ini berada di tahap pencapaian baik sahaja iaitu mencapai markah diantara 17 hingga 25. Data ini mengatakan murid kelas tingkatan 3 taraf sederhana. Golongan tahap pencapaian baik mempunyai isi yang cukup iaitu 3 hingga 4. Tetapi mereka lemah di bahagian penghuraian isi tersebut. Bahagian pengolahan isi murid 28 mendapat markah yang tinggi iaitu 19 daripada 28 markah. Walaupun pengolahan murid tersebut mendapat markah yang tinggi, tetapi murid tersebut masih di tahap pencapaian tangga kepujian sahaja. Ini kerana markah pengolahan murid tersebut belum cukup untuk tahap pencapaian cemerlang.

12 murid daripada 30 murid mendapat markah penuh untuk bahagian isi, ia dimaksudkan majoriti mempunyai idea tetapi mereka hanya gagal di bahagian pengolahan isi tersebut. Dengan bimbingan dan perancangan pengajaran guru yang komprehensif akan membantu meningkatkan pencapaian murid dalam penulisan karangan (Nooraqilah Daud, Sri Kartika A.Rahman, Abu Bakar Madin, Noradinah Jaidi. 2025). Bagi mengatasi masalah ini pengkaji membuat perancangan untuk melakukan kajian ini. Pengkaji hanya memfokuskan bahagian pengolahan isi sahaja. Perancangan guru sangat penting untuk meningkatkan kualiti karangan murid. Menggunakan teknik ToHuCoKeP murid akan menerangkan isinya. Dengan menggunakan teknik ini murid senang mendapat tujuh markah untuk satu isi. Bagi ayat topik murid akan dapat satu markah; ayat huraian akan dapat 3 markah; untuk ayat contoh dapat satu markah; ayat kesan dapat satu markah dan ayat penegasan dapat satu markah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.2 Melaksanakan latihan penulisan karangan perbahasan kepada para murid melalui teknik ToHuCoKeP bagi mempertingkat kemahiran mengolah isi dan menyusun hujah dengan baik.

Objektif kedua kajian ini ialah melaksanakan latihan penulisan karangan perbahasan kepada para murid melalui teknik ToHuCoKeP bagi mempertingkat kemahiran mengolah isi dan menyusun hujah dengan baik.

Setelah mengenal pasti punca utama bagi murid tidak mendapat markah yang tinggi dalam bahagian karangan, pengkaji melakukan intervesi untuk menyelesaikan masalah ini. Kaedah *Think Talk Write* (TTW) ini dapat menjadikan solusi untuk membantu siswa mengembangkan idea-idea mereka secara lebih terstruktur dan meningkatkan kemampuan mereka dalam menulis karangan (Nurrahayufitrah, Nurul Aulia & Nurlina. 2025). Sama seperti kajian ini bagi mengatasi masalah ini pengkaji memilih teknik ToHuCoKeP untuk mengolahkan isi karangan perbahasan.

Sesi intervensi ini diadakan selama 6 minggu. Kelas intervensi dilakukan melalui *google meet*. Setiap hari sabtu kelas intervensi dijalankan selama satu jam tiga puluh minit. Setiap minggu pengkaji melakukan aktiviti yang berbeza tetapi yang berkaitan dengan teknik ToHuCoKeP. Ia adalah agenda utama kajian ini.

- **Tajuk Karangan Perbahasan Kelas Intervensi**

Soalan-soalan ini diadaptasi daripada soalan Ujian Akhir Sesi Akademik (UASA) dan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3). Soalan ini disahkan oleh Lembaga Peperiksaan. Soalan-soalan ini adalah setaraf dengan tahap pemikiran murid tingkatan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3. Soalan-soalan ini mudah untuk dikaitkan dengan pengetahuan yang sedia oleh murid. Pada peringkat awal iaitu minggu satu dan dua murid masih lagi di fasa penerimaan maksud teknik ToHuCoKeP. Selepas itu murid sudah faham kehendak teknik mengarang dengan baik.

- **Minggu pertama kelas intervensi**


Lima minit awal diperuntukkan untuk menambah murid di dalam google meet. Setelah semua murid sudah berada di atas talian kelas intervensi bermula dengan membaca doa. Kelas pertama pengkaji yang membaca doa, ia memberi suasana yang positif. Setelah selesai, pengkaji dan murid memperkenalkan diri. Selepas itu, pengkaji memperkenalkan teknik ToHuCoKeP pada murid dengan menggunakan gambar dibawah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.3. Teknik ToHuCoKeP

Setelah selesai menerangkan tentang teknik; pengkaji menerang juga tentang elemen-elemen yang perlu ada dalam karangan perbahasan

Jadual 4.3

Penerangan Karangan Perbahasan

வாதக் கட்டுரை எழுதும் முறை	
தலைப்பினை	❑ ஆதரித்து (சார்ந்து) அல்லது மறுத்து (எதிர்) படைப்பினை எழுதலாம். சார்ந்தும் மறைந்துமெழுதுவது முற்றிலுமாகத் தவிர்க்கப்பட வேண்டும்.
முன்னுரை	❑ தலைப்பை ஒட்டிய தன் நிலைப்பாட்டை உறுதிசெய்ய வேண்டும்.
கருத்துகள்	❑ ஒவ்வொரு கருத்தையும் வாதிட்டு எழுத வேண்டும். ❑ பத்தியின் இறுதியில் தன் நிலைப்பாட்டை மீண்டும் வலியுறுத்த வேண்டும்.
முடிவுரை	❑ வாதத் தொகுப்பாக அமைய வேண்டும்.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

	❑ தன் வாதத்தைக் / நிலைப்பாட்டை மீண்டும் வலியுறுத்த வேண்டும்.

Cara menulis karangan perbahasan	
Hujah karangan Perbahasan	❑ Perlu aspek menyokong atau aspek membantah. Tidak boleh menggunakan dua-dua aspek dalam satu karangan.
Pendahuluan	❑ Menerangkan tajuk dan menekankan posisi, menyokong atau membantah
Isi	❑ Perlu memberi hujah yang berunsur perbahasan ❑ Ayat akhir perenggan menegaskan pihak penulis
Penutup	❑ Rumusan perbahasan ❑ Menegaskan semula pihak penulis.

Teknik ini agak baru untuk murid tingkatan 3, disebabkan itu pengkaji memilih satu contoh tajuk semasa menerangkan teknik ToHuCoKeP. Pendahuluan dan perenggan penutup pengkaji tidak memberi tekanan yang tinggi. Ia disebabkan pengkaji hanya memfokuskan bahagian isi dan huraian isi tersebut sahaja. Pengkaji suka menggunakan gambar semasa menerangkan teknik, kerana visual adalah salah satu cara untuk mudah difahamkan dan menarik minat murid untuk belajar. Pernyataan ini disokong oleh pengkaji Jihan Annisarani yang bertajuk penggunaan media visual terhadap peningkatan kemampuan baca tulis Arab melayu pada tahun 2025. Dalam artikel tersebut mengatakan visual mampu meningkatkan minat belajar siswa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.4. Teknik Template ToHuCoKeP

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Setelah selesai cara mengkaitkan teknik ToHuCoKeP dengan contoh tajuk, pengkaji minta beberapa murid untuk menjelaskan balik apa yang mereka dapat daripada teknik ToHuCoKeP. Disamping itu, pengkaji menerangkan cara memilih dan mengkaitkan bahan-bahan sastera dalam karangan perbahasan. Proses ini mengambil masa selama 35 minit. Selepas itu pengkaji memberikan tajuk karangan perbahasan minggu pertama. Soalan ini adaptasi daripada Ujian Akhir Sesi Akademik 2025 daerah Kota Tinggi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.4

Soalan Karangan Minggu Pertama

இன்றைய மாணவர்களிடையே கட்டொழுங்குப் பிரச்சனை ஏற்படுவதற்குக் கடுமையாக்கப்படாத பள்ளி விதிமுறைகளே காரணமாக அமைகிறது. **இத்தலைப்பில் 180 சொற்களில் வாதக் கட்டுரை எழுதுக.**
Kelonggaran peraturan sekolah adalah punca utama masalah disiplin di sekolah. **Tuliskan sebuah karangan yang panjangnya tidak kurang daripada 180 patah perkataan.**

Murid memberi pandangan dan pengalaman yang mereka sedia ada berdasarkan tajuk yang diberi. Sebagai langkah teori konstruktivisme responden perlu menggunakan pengalaman sedia ada semasa perbincangan. Aktiviti ini dijalankan selama 15 minit Setelah selesai beberapa murid memberi pengalaman yang sedia ada, pengkaji minta murid membuatkan peta minda untuk karangan perbahasan mengenai tajuk yang diberi dengan menggunakan teknik ToHuCoKeP. Selama sepuluh minit murid akan menghasilkan satu peta minda.

Dalam 20 minit murid akan membentangkan peta minda mereka. Selepas itu, murid akan menulis huraian untuk satu isi sahaja dengan menggunakan teknik ToHuCoKeP. Setelas selesai murid akan menghantar huraian satu isi dan peta minda yang disiapkan kepada pengkaji melalui telegram. Sesi soal jawab akan mula. Aktiviti menghantar dan soal jawab selama 15 minit. Sebagai kerja rumah murid akan mengarang satu karangan perbahasan. Setelas siap murid akan hantar pada guru mata pelajaran Bahasa Tamil.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

♠ **Minggu Kedua Kelas Intervensi**

Kelas intervensinya sama seperti minggu pertama iaitu 1 jam 30 minit. Lima minit awal diperuntukkan untuk menambah murid di dalam google meet. Setelah semua murid sudah berada di atas talian kelas intervensi bermula dengan membaca doa. Kelas kedua murid dah mula untuk membaca doa. Pengkaji mengingatkan dan menerangkan lagi tentang teknik ToHuCoKeP kepada murid. Disamping itu, pengkaji turut menerangkan tentang cara mengkaitkan teknik dalam karangan perbahasan. Seperti biasa pengkaji memilih satu tajuk karangan perbahasan untuk mengkaitkan teknik, bahan sastera dan kali ini menambahkan elemen baru iaitu tatabahasa.

Ia membantu untuk mengurangkan kesalahan tatabahasa dalam karangan perbahasan. Menulis teks narasi yang baik, siswa perlu memiliki pemahaman yang kuat mengenai tatabahasa. Daripada kata-kata pengkaji kajian ini mendapat tahu tatabahasa adalah salah satu elemen yang sangat penting untuk menulis karangan. Bagi karangan perbahasan ini sebanyak 5 markah yang dipegang oleh elemen bahasa termasuk markah untuk tatabahasa juga. Disebabkan itu, pengkaji turut menerangkan tatabahasa.

Langkah seterusnya seperti minggu pertama, murid akan mendapat satu tajuk karangan perbahasan dan mereka perlu menyediakan peta minda dan murid yang terpilih akan bentang peta minda tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.5

Soalan Karangan Minggu Kedua

அதிகமான சாலை விபத்துகள் ஏற்பட வாகனமோட்டிகளே காரணமாக விளங்குகின்றனர். **இத்தலைப்பில் 180 சொற்களில் வாதக் கட்டுரை எழுதுக.**
Punca utama kemalangan di jalan raya adalah disebabkan oleh pemandu kenderaan. **Tuliskan sebuah karangan yang panjangnya tidak kurang daripada 180 patah perkataan.**

Soalan ini adaptasi daripada Ujian Akhir Sesi Akademik 2024 daerah Tangkak. Kali ini murid akan diberi masa selama 20 minit untuk menghuraikan 2 isi dengan menggunakan teknik ToHuCoKeP berdasarkan tajuk yang diberi. Murid akan hantar penerangan 2 isi dengan peta minda melalui telegram dalam masa kelas intervensi. Diberi satu hari untuk menyiapkan satu karangan perbahasan yang lengkap. Setelah siap murid akan menghantarkan skrip jawapan kepada guru bahasa tamil.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

♠ **Minggu Ketiga Kelas Intervensi**

Masa kelas intervensi minggu ketiga juga sama seperti minggu pertama dan kedua. Setelah selesai menambahkan murid dalam talian dan membaca doa pengkaji menerangkan lagi teknik ToHuCoKeP. Banyak kali menerangkan satu perkara, ia membantu untuk mengukuhkan ingatkan murid. Selepas itu, pengkaji mengkaitkan teknik dengan karangan perbahasan. Bagi mengkaitkan teknik dengan karangan perbahasan pengkaji menggunakan tajuk yang berbeza daripada tajuk aktiviti. Tetapi kali ini pengkaji menggunakan tajuk yang sama untuk dijadikan contoh.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.6

Soalan Karangan Minggu Ketiga

மாணவர்களிடையே இலக்கியப் பாடத்தில் ஆர்வத்தைத் தூண்டுவதில் ஆசிரியர்களே முக்கியப் பங்காற்றுகின்றனர். **தலைப்பில் 180 சொற்களில் வாதக் கட்டுரை எழுதுக.**
Guru memainkan peranan yang sangat penting dalam menyemai minat murid terhadap mata pelajaran sastera. **Tuliskan sebuah karangan yang panjangnya tidak kurang daripada 180 patah perkataan.**

Tajuk yang sama digunakan agar murid dapat menulis karangan perbahasan yang penuh sepertimana mereka menulis semasa peperiksaan. Perlu ada perenggan pendahuluan, perenggan isi dan perenggan penutup pada masa yang diberikan oleh pengkaji. Disamping itu, murid juga perlu membuat peta minda mengenai tajuk sebelum mula menulis karangan perbahasan. Menurut M. Amin dan Muslim (2025) mind mapping merupakan teknik pengorganisasian idea secara visual dengan menggunakan cabang-cabang yang menghubungkan gagasan utama dan gagasan pendukung secara sistematik. Peta minda membantu murid untuk menyusun idea mengikut keutamaan.

Murid diberi selama 45 minit untuk menghasilkan satu karangan perbahasan mengikut tajuk di atas. Soalan ini adaptasi daripada Peperiksaan Pentaksiran Tingkatan 3 tahun 2021. Sebelum bermula menulis karangan, murid akan membuat peta minda dahulu. Pengkaji berhasrat untuk memupuk gaya membuat peta minda sebelum menulis karangan seperti gaya penulisan turun-temurum. Setelah selesai menulis karangan, murid akan menghantar karangan mereka kepada pengkaji melalui telegram. Keesokkan harinya pula akan hantar kepada guru Bahasa Tamil mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

♠ **Minggu Keempat Kelas Intervensi**

Lima minit awal daripada 1 jam 30 minit, pengkaji seperti biasa akan meminta wakil murid membaca doa. Setelah selesai, beberapa wakil murid akan menerangkan tentang teknik ToHuCoKeP yang mereka belajar selama tiga minggu. Melalui aktiviti ini dapat mengukur pemahaman murid tentang teknik, karangan perbahasan dan cara penggunaan teknik dalam karangan perbahasan. Selepas penerangan murid, sebagai guru dalam kelas itu, saya menambahbaik pada bahagian-bahagian yang kurang sesuai dalam penulisan mereka. Seterusnya murid akan bersedia untuk membuat peta minda mengikut teknik ToHuCoKeP dan mula menulis karangan perbahasan.

Jadual 4.7

Soalan Karangan Minggu Keempat

மகிழ்ச்சியான குடும்பமே சிறந்த செல்வம்.
தலைப்பில் 180 சொற்களில் வாதக் கட்டுரை எழுதுக.
Keluarga yang bahagia adalah harta yang paling berharga. **Tuliskan sebuah karangan yang panjangnya tidak kurang daripada 180 patah perkataan.**

Soalan ini adaptasi daripada Ujian Akhir Sesi Akademik 2025 daerah Pontian. Setelah selesai menulis karangan selama 45 minit, mereka hantar hasil karangan melalui telegram. Pengkaji bertanya pengalaman atau pandangan murid selama 4 minggu di kelas intervensi. Kebanyakan mereka mengatakan teknik ToHuCoKeP membantu untuk menghasilkan karangan perbahasan yang tepat. Ada yang mengatakan masa 45 minit kurang cukup untuk menghuraikan sepenuhnya dengan menggunakan teknik. Semua murid yang berkongsi pandangan mengatakan teknik ToHuCoKeP ini memberi panduan yang jelas untuk untuk menghurai isi karangan perbahasan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pandangan yang sama diberi oleh guru mereka. Semua temu bual gurunya mengatakan bahawa teknik ToHuCoKeP ini memberi panduan yang jelas dan menerangkan langkah demi langkah untuk menghuraikan karangan perbahasan. sebelum ini murid berasa karangan perbahasan adalah sukar, sebab tidak tahu cara menghuraikan isi yang sedia ada. Setelah kelas intervensi murid dapat tahu struktur sebenar perenggan isi. Teknik ToHuCoKeP memberi kesan positif terhadap minat untuk memilih soalan karangan perbahasan. Disamping itu, murid dapat tahu cara menyusun hujah dengan betul.

♠ **Minggu Kelima Kelas Intervensi**

Aktiviti lima minit awal sama seperti minggu-minggu sebelum ini. Pengkaji minta pelajar menerangkan teknik ToHuCoKeP. Kali ini pengkaji memanggil pelajar yang kurang menonjol dalam kelas intervensi. Setelah selesai memperkenalkan beberapa kosa kata bidang yang mengaitkan tajuk, murid mula menulis karangan perbahasan minggu kelima.

Jadual 4.8

Soalan Karangan Minggu Kelima

பெற்றோர்கள் இருவரும் வேலைக்குச் செல்வதால் நன்மையே ஏற்படுகிறது. **தலைப்பில் 180 சொற்களில் வாதக் கட்டுரை எழுதுக.**
Apabila kedua-dua ibubapa berkerja, ia membawa manfaat kepada keluarga. **Tuliskan sebuah karangan yang panjangnya tidak kurang daripada 180 patah perkataan.**

Soalan ini adaptasi daripada Ujian Akhir Sesi Akademik 2024 daerah Kota Tinggi. Jawapan murid untuk karangan ini menunjukkan peningkatan baik dari segi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengolahan. Salah satu sebab adalah kandungan tajuk ini adalah isi harian mereka. Iaitu kebanyakan kedua-dua ibubapa murid kelas intervensi ini adalah bekerja. Oleh itu, pengalaman yang sedia ada sangat membantu murid untuk membuat hujah mereka. Keadaan ini menerapkan teori konstuktivisme.

Iaitu daripada pengalaman yang sedia kepada pengalaman yang baru. Tahap satu mereka memproseskan pengalaman yang sedia ada mengenai tajuk ini. Selepas itu, mereka mengaitkan pengalaman itu dengan tajuk yang diberi. Perkara ini dapat melihat dari peta minda ke karangan murid. Disamping itu teknik ToHuCoKeP juga membantu murid untuk membuat hujah yang lengkap. Guru Bahasa Tamil mengatakan bahawa walaupun murid yang sukar atau lemah menulis, masih boleh menulis karangan yang baik jika mereka menggunakan cara istimewa ini. Hal ini kerana, teknik ini memberi panduan yang jelas. Pada masa yang sama memberi keyakinan tinggi untuk menghuraikan isi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

- **Minggu Keenam Kelas Intervensi**

Aktiviti lima minit awal sama seperti minggu-minggu sebelum ini. Memandangkan kelas keenam ini adalah kelas intervensi yang terakhir pengkaji menekankan lagi tentang teknik ToHuCoKeP dan cara menggunakan dalam karangan perbahasan. Selepas itu, murid mula menulis karangan perbahasan dengan menggunakan teknik ToHuCoKeP.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.9

Soalan Karangan Minggu Keenam

உடல் நலமே வாழ்க்கை மேம்பாட்டிற்குச் சிறந்தது. **தலைப்பில் 180 சொற்களில் வாதக் கட்டுரை எழுதுக.**
Kesihatan adalah kunci kehidupan sihat. **Tuliskan sebuah karangan yang panjangnya tidak kurang daripada 180 patah perkataan.**

Soalan ini adaptasi daripada Pentaksiran Tingkatan 3 2021 daerah Pontian. Seperti biasa, setelah selesai menulis karangan, murid akan hantar ke pengkaji melalui telegram, dan asalanya akan hantar kepada guru Bahasa Tamil mereka. Pengkaji mengingatkan kepada murid mengenai peperiksaan kelas intervensi. Perjalanan kelas intervensi ini dikaitkan dengan teori kontruktivisme. Teori konstruktivisme, yang meniktiberatkan pada keterlibatan aktif peserta didik dalam membangun pengetahuan mereka sendiri (Nasir.M.A. 2022).

Jadual 4.10

Markah Kelas Intervensi

Murid	Minggu 1	Minggu 2	Minggu 3	Minggu 4	Minggu 5	Minggu 6
Murid 1	16	24	24	28	26	30
Murid 2	26	27	23	28	35	X
Murid 3	10	13	13	16	18	25
Murid 4	11	13	15	19	17	23
Murid 5	16	18	X	23	27	30
Murid 6	15	15	16	16	18	20
Murid 7	6	X	10	X	14	15
Murid 8	19	23	25	28	30	35
Murid 9	X	20	25	27	34	34
Murid 10	18	20	25	27	31	36
Murid 11	18	X	23	23	27	29
Murid 12	14	X	17	17	20	26

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Murid 13	15	17	19	23	X	25
Murid 14	16	18	18	20	25	27
Murid 15	19	19	25	29	34	35
Murid 16	15	18	25	26	28	33
Murid 17	17	18	X	22	24	26
Murid 18	18	20	25	27	33	34
Murid 19	19	21	X	25	30	34
Murid 20	15	18	23	26	31	33
Murid 21	16	18	26	28	31	X
Murid 22	20	25	20	26	28	31
Murid 23	20	X	23	26	29	34
Murid 24	11	15	16	20	X	23
Murid 25	15	15	18	23	29	35
Murid 26	17	16	24	22	26	28
Murid 27	21	23	19	26	29	35
Murid 28	24	28	28	30	33	36
Murid 29	20	25	24	28	26	30
Murid 30	21	23	24	28	33	X

Jadual 4.2.2.7 menunjukkan markah murid semasa kelas intervensi. Kebanyakkan murid menunjukkan prestasi yang tinggi. Berdasarkan jadual ini setiap minggu ada peningkatan dalam markah murid. Sebagai contohnya murid 16 pada kelas intervensi yang pertama mendapat markah sebanyak 15 daripada 40 markah. Minggu kedua dan seterusnya markah pelajar tersebut meningkat dan minggu keenam murid tersebut mendapat sebanyak 33 markah dan mencapai tahap pencapaian pengkaji iaitu tangga cemerlang. Murid tersebut mendapat sebanyak 24 markah daripada 28 markah untuk bahagian pengolahan isi. 4 markahnya kurang di ayat huraian, kesan dan penegasan. Markah selebihnya diberikan dari bahagian pendahuluan 2 markah, penutup 3 markah dan bahagian bahasa 4 markah.

Dalam ujian pra, majoriti murid hanya mencapai tahap pencapaian sederhana dan memenuhi penguasaan minimum sahaja. Tetapi selepas melaksanakan kelas

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

intervensi kebanyakkan atau boleh kata majoriti iaitu sebanyak 12 orang murid berada di tahap pencapaian cemerlang. Murid-murid tersebut dapat memberi 4 isi yang cukup. Bahagian hujahan isi mendapat markah yang tinggi daripada bahagian-bahagian lain. Ia menunjukkan di jadual 4.3 yang berwarna kuning. Ini menekankan bahawa teknik ToHuCoKeP memberi kesan yang bagus dalam karangan perbahasan.

Perbandingan markah ujian pra dengan minggu pertama, dapat menunjukkan seramai 7 orang markah murid menurun. 9 orang murid mendapat markah yang sama. Seperti murid 1; ujian pra mendapat 16 markah, pada kelas intervensi minggu 1 murid tersebut mendapat 16 markah sahaja. Situasi sama yang berlaku dari kelas intervensi minggu pertama ke minggu kedua. Tetapi dalam kuantiti yang sedikit. Iaitu, mempunyai yang markah seramai 3 orang murid dan markah yang menurun ialah seorang sahaja. Keadaan ini menunjukkan bahawa minggu pertama dan minggu kedua adalah minggu fasa mengenal atau menyesuaikan pemikiran murid dengan teknik ToHuCoKeP untuk mengarang karangan perbahasan. Tetapi darisegi karangan mereka dapat melihat perbezaan di bahagian hujah isi.

Berdasarkan jadual diatas minggu ke enam iaitu kelas intervensi yang terakhir hanya seorang murid sahaja yang berada di dalam golongan tahap pencapaian penguasaan minimum sebanyak 15 markah. Apabila kita melihat markah ujian pra, seramai 13 orang murid berada di kategori tahap pencapaian penguasaan minimum. Jumlah markah tahap penguasaan minimum ialah sebanyak 10 hingga 16. Ia bermaksud separuh daripada jumlah markah untuk bahagian karangan ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Murid 2 menunjukkan prestasi yang baik dan juga murid yang memikul markah yang tinggi di minggu ke dua. Iaitu sebanyak 27 markah. Selain itu, hanya dia seorang sahaja yang berada di golongan tahap penguasaan kepujian pada minggu ke dua. Bagi bahagian pengolahan isi murid tersebut mendapat sebanyak 18 markah pada minggu kedua berbanding pada ujian pra mendapat 12 markah sahaja. Murid tersebut hanya menulis 3 isi sahaja. Bagi 2 isi yang pertama murid tersebut mendapat markah yang penuh. Iaitu 14 markah; bermaksud untuk satu isi dan hujah isi tersebut memperolehi 7 markah. Maksud tersurat situasi ini ialah murid tersebut memahami teknik ToHuCoKeP dengan sepenuhnya.

Minggu-minggu seterusnya juga murid tersebut menunjukkan komitmen yang tinggi. Markah murid tersebut membuktikan keadaan ini. Hanya dia minggu ketiga sahaja murid tersebut tidak dapat menunjukkan prestasi tinggi dan hanya mendapat 23 markah sahaja. Berbanding dengan markah minggu sebelumnya muird tersebut turun 4 markah. Daripada 27 markah ke 23 markah. Keadaan ini disebabkan murid tersebut tidak sihat dan mengalami demam pada hari tersebut. Pada awal-awal kelas murid telah diberitahu kepada pengkaji. Masalah kesihatan juga mempengaruhi kebolehan murid.

Selain itu, markah yang paling rendah semasa kelas intervensi ini ialah murid 7. Pada ujian pra murid tersebut hanya mendapat 8 markah sahaja. Ia bermaksud murid ini berada di tahap pencapaian, telah mencapai tahap minimum sahaja. Tahap ini hanya memikul sebanyak 0 hingga 9 markah sahaja. Pada bahagian isi dan pengolahan isi murid tersebut hanya mendapat 4 markah sahaja. Markah murid ini amat mengejutkan pengkaji, kerana murid ini akan menduduki peperiksaan SPM dalam dua tahun lagi. Hanya menulis isi sahaja dalam satu perenggan. Pada peperiksaan SPM bahagian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

karangan sahaja memikul seratus markah. Bagi soalan perbahasan memikul sebanyak 70 markah. Kalau berbanding dengan markah yang murid 7 ini untuk mencapai 70 markah agak susah dalam peperiksaan SPM. Pengkaji ingin tahu punca sebenar untuk kekurangan markah murid 7 ini.

Pada kelas kedua setelah selesai murid semua menulis karangan, pengkaji minta murid tersebut tunggu di dalam talian kelas. Pengkaji takut, jika tanya berdepan dengan kawan-kawan dia, kemungkinan murid tersebut kurang selesa. Setelah semua murid meninggalkan talian kelas, pengkaji tanya murid tersebut. Alasan murid tersebut ialah kurang berminat untuk belajar bahasa tamil. Atas desakan ibu bapanya, murid tersebut mempelajari bahasa Tamil dan menyatakan bahawa terdapat kemungkinan besar dia tidak akan mengambil mata pelajaran itu dalam peperiksaan SPM. Sebagai seorang guru bahasa tamil, pengkaji berasa sangat sedih. Pengkaji juga memberi motivasi kepada murid tersebut.



Rajah 4.5. Sebab tidak hadir ke kelas intervensi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Masalah kehadiran juga memberi impak negatif untuk pemarkahan murid. Seramai 13 orang murid daripada 30 orang murid tidak hadir semasa kelas intervensi. Seorang daripada 13 orang murid ini, tidak hadir dua kelas intervensi. Kurang kemudahan adalah punca utama murid tidak mengikuti kelas intervensi. Sebanyak 53.84 peratus mempunyai masalah kemudahan. Kurang mempunyai peranti internet yang stabil adalah alasan utama dalam kurang kemudahan. Peranti internet memainkan peranan penting dalam pelaksanan kelas intervensi. Ia disebabkan kelas intervensi sepenuhnya di dalam atas talian *Google Meet.* 23.08 peratus tidak dapat menyertai kelas intervensi atas sebab urusan keluarga. Ia adalam sebab kedua terbesar murid tidak hadir kelas intervensi. Mereka memberi pelbagai alasan yang boleh mengaitkan dalam urusan keluarga.

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah ptbupsi

Daripada jadual kelas intervensi didapati bahawa 9 murid daripada 13 murid yang mempunyai markah cemerlang adalah menyertai kelas intervensi dengan sepenuhnya. Mereka adalah memahami sepenuhnya teknik ToHuCoKeP. Murid 10 dan murid 28 mempunyai markah yang paling tinggi sepanjang kelas intervensi iaitu 36 dan mencapai tahap cemerlang. Kedua-dua murid ini mempunyai kehadiran penuh semasa kelas intervensi. Selain itu, 13 murid yang mempunyai tahap cemerlang mempunyai pemikiran yang kreatif dan ia menonjol dalam karangan mereka. Ketua panitia dan guru mata pelajaran sekolah tersebut juga mengatakan selepas penggunaan teknik ToHuCoKeP gaya karangan murid membawa ke tahap tinggi terutamanya dari segi idea dan hujah yang kreatif. Ketua panitia mengatakan teknik ToHuCoKeP ini bukan sahaja memberi panduan tetapi merangsang pemikiran pelajar untuk menyampaikan hujah dan contoh yang menarik. Sama juga pandangan guru mata pelajaran bahasa tamil, ia adalah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

teknik ToHuCoKeP membantu murid untuk berfikir secara mendalam dan juga memberi keberanian untuk mengemukakan idea mereka.

Dengan ini dapat disimpulkan bahawa teknik ToHuCoKeP memberi impak yang positif dalam karangan perbahasan. Hal ini dibuktikan daripada markah kelas intervensi yang selama enam minggu. Murid yang memiliki tahap penguasan minimum juga dapat mencapai tahap baik atau kepujian.

4.2.3 Mengenal pasti keberkesanan teknik ToHuCoKeP dalam karangan perbahasan Bahasa tamil murid tingkatan 3.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.3.1 Analisis Perbandingan Pencapaian Murid Antara Ujian Pra dan Pasca

Jadual 4.11

Analisis Perbandingan Pencapaian Murid Kumpulan Rawatan

Murid	Pecahan pemarkahan										Tahap Pencapaian	
	Pendahuluan		Isi		Penutup		Bahasa		Markah		u.pra	u.pasca
Murid 1	3	3	9	24	2	2	2	3	16	32	P M	K
Murid 2	3	4	12	28	2	2	2	3	19	37	B	C
Murid 3	2	3	7	18	1	1	3	3	13	25	P M	B
Murid 4	2	2	7	16	0	2	2	3	11	23	P M	B
Murid 5	3	3	9	19	0	3	3	4	15	29	P M	K
Murid 6	2	2	6	14	1	1	2	3	11	20	P M	B
Murid 7	1	2	6	11	0	1	1	3	8	17	T M	B
Murid 8	3	3	13	28	1	0	3	4	19	35	B	C
Murid 9	2	3	14	25	0	2	2	4	18	34	B	C
Murid 10	2	4	13	26	1	1	3	4	19	35	B	C
Murid 11	3	2	10	23	0	2	3	4	16	31	P M	K
Murid 12	1	3	9	19	1	0	2	4	14	26	P M	K

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Murid 13	2	2	9	20	1	2	2	3	14	27	P M	K
Murid 14	1	3	11	22	2	1	2	3	16	29	P M	K
Murid 15	3	3	9	26	3	1	2	3	17	33	B	C
Murid 16	4	2	9	25	2	3	3	4	18	34	B	C
Murid 17	3	4	9	20	0	0	3	4	15	28	P M	K
Murid 18	4	2	14	25	2	2	2	4	22	33	B	C
Murid 19	3	3	10	27	2	1	2	3	17	34	B	C
Murid 20	3	3	10	27	2	1	2	3	17	34	B	C
Murid 21	3	3	11	23	0	1	2	3	16	30	P M	K
Murid 22	3	3	14	25	1	2	2	3	20	33	B	C
Murid 23	3	2	12	25	2	3	3	4	19	34	B	C
Murid 24	2	4	6	17	1	0	2	3	11	24	P M	B
Murid 25	3	3	10	25	2	1	2	4	17	33	B	C
Murid 26	2	4	10	24	1	3	2	3	15	30	P M	K
Murid 27	3	3	13	29	1	0	4	3	21	35	B	C
Murid 28	3	3	19	26	0	3	3	4	26	36	K	C
Murid 29	3	4	17	26	2	0	2	4	24	34	B	C
Murid 30	3	3	11	25	2	1	3	4	19	33	B	C

Ujian Pra	
Ujian Pasca	

Telah mencapai tahap minimum	T M
Penguasaan minimum	P M
Baik	B
Kepujian	K
Cemerlang	C

Jadual 4.11 menunjukkan analisis data yang diperoleh daripada ujian pra dan ujian pasca yang telah dijalankan ke atas 30 orang murid. Warna hijau mewakili ujian pra manakala, warna merah jambu adalah ujian pasca. Singkatan perkataan juga digunakan bahagian pencapaian. TM menunjukkan telah mencapai tahap minimum; P M pula penguasaan minimum; B menerangkan tahap pencapaian baik; K menunjukkan tahap pencapaian kepujian dan C adalah tahap pencapaian cemerlang. Tujuan analisis ini adalah untuk mengukur keberkesanan kaedah ToHuCoKeP atau intervensi yang dilaksanakan. Tumpuan utama adalah untuk membandingkan perubahan dalam tahap

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pencapaian murid sebelum dan selepas intervensi berkenaan. Analisis data menunjukkan peningkatan yang sangat signifikan dalam tahap pencapaian keseluruhan murid dari peringkat pra ke peringkat pasca. Perubahan ini jelas menunjukkan kejayaan intervensi yang telah dilaksanakan. Pada peringkat pra, taburan tahap pencapaian murid adalah seperti berikut:

4.2.3.2 Analisis Perbandingan Pencapaian Mengikut Komponen Esei Antara Ujian Pra dan Pasca

Untuk memahami dengan lebih mendalam impak intervensi yang dijalankan, analisis telah dibuat untuk membandingkan purata markah bagi setiap komponen penting dalam penulisan esei, iaitu Pendahuluan, Isi, Penutup, dan Bahasa. Perbandingan antara ujian Pra dan Pasca adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.2.3.2 di bawah.

Jadual 4.12

Perbandingan Purata Markah Komponen Esei Antara Ujian Pra dan Pasca

Murid	Ujian Pra	ujian Pasca	Peningkatan (%)
1	16	32	40 %
2	19	37	45 %
3	13	25	30 %
4	11	23	30 %
5	15	29	35 %
6	11	20	22.50 %
7	8	17	22.50 %
8	19	35	40 %
9	18	34	40 %
10	19	35	40 %
11	16	31	37.50 %
12	14	26	30 %

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

13	14	27	32.50 %
14	16	29	32.50 %
15	17	33	40 %
16	18	34	40 %
17	15	28	32.50 %
18	22	33	27.50 %
19	17	34	42.50 %
20	17	34	42.50 %
21	16	30	35 %
22	20	33	32.50 %
23	19	34	37.50 %
24	11	24	32.50 %
25	17	33	40 %
26	15	30	32.50 %
27	21	35	35 %
28	26	36	25 %
29	24	34	25 %
30	19	33	35 %

Berdasarkan jadual di atas, secara keseluruhan, dapatan menunjukkan bahawa 100% murid mencatat peningkatan dalam markah penulisan karangan selepas penggunaan teknik ToHuCoKeP. Purata skor pra ialah 11 hingga 24 markah, manakala purata skor pasca meningkat kepada 17 hingga 37 markah. Ini membuktikan kelas intervensi yang dijalankan memberi impak yang positif. Murid menunjukkan peningkatan ketara dalam menulis isi yang lebih jelas, relevan dan menarik. Penggunaan teknik ToHuCoKeP membantu murid merangka idea awal dengan lebih tersusun sebelum memulakan karangan. Peningkatan purata hampir 40% menunjukkan intervensi berjaya membentuk kemahiran membuka karangan dengan baik.

Dari segi isi karangan mencatat peningkatan paling ketara. Kebanyakan murid dapat mengembangkan isi dengan lebih terperinci, menggunakan contoh yang relevan, memberi huraian yang lebih matang. Peningkatan melebihi 35% dalam kalangan hampir semua murid menunjukkan bahawa teknik ToHuCoKeP berjaya mengatasi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

masalah utama murid sebelum ini iaitu kekurangan idea dan kegagalan menghuraikan isi dengan baik.

Peningkatan dalam bahagian penutup turut ketara, dengan murid lebih mampu merumuskan keseluruhan karangan secara tersusun dan tepat. Murid yang sebelum ini hanya menulis 1 hingga 2 ayat berjaya menghasilkan penutup yang lebih lengkap selepas intervensi.

Terdapat peningkatan jelas dari segi kosa kata, struktur ayat dan ketepatan tatabahasa. Penggunaan teknik ToHuCoKeP membantu murid menyemak kembali ayat mereka secara lebih sistematik, menghasilkan peningkatan purata antara 70% hingga 100% dalam aspek bahasa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara keseluruhannya, analisis menunjukkan bahawa penggunaan pendekatan ToHuCoKeP memberikan kesan yang sangat positif kepada kemahiran menulis karangan murid. Semua murid menunjukkan peningkatan markah yang signifikan, manakala beberapa murid mencatat peningkatan melebihi 37.50%. Dapatan ini membuktikan bahawa teknik ToHuCoKeP bukan sahaja membantu murid menghasilkan karangan yang lebih teratur dan matang, tetapi juga meningkatkan kreativiti, kejelasan idea dan ketepatan bahasa dalam penulisan mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi




Rajah 4.6. Analisis Tahap Pencapaian Murid Ujian Pra

Data di peringkat awal menunjukkan bahawa majoriti besar murid 93.3% berada pada tahap "Penguasaan minimum" dan "Baik". Tiada seorang murid pun yang berjaya mencapai tahap "Cemerlang", dan hanya sebilangan kecil sahaja yang berada di tahap "Kepujian". Secara terperincinya, Penguasaan minimum adalah 14 orang murid mencapai 46.7%, Baik mewakili 14 orang murid mencapai 46.7%, Kepujian adalah 2 orang murid sahaja iaitu 6.6%. Manakala, tiada murid mencapai tahap cemerlang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi




Rajah 4.7. Analisis Tahap Pencapaian Murid Ujian Pasca

Rajah 4.7 menunjukkan Selepas intervensi dilaksanakan, berlaku peningkatan yang ketara pada peringkat pasca. Taburan tahap pencapaian murid adalah seperti berikut: Penguasaan minimum memaparkan 0 orang murid iaitu 0%, Baik adalah 5 orang murid iaitu 16.7%, Kepujian terdiri kepada 10 orang murid 33.3% dan juga Cemerlang adalah 15 orang murid 50.0%. Data ujian pasca menunjukkan anjakan paradigma yang sangat positif. Kategori "Penguasaan minimum" telah berjaya dihapuskan sepenuhnya. Sebaliknya, separuh daripada jumlah murid 50% telah berjaya mencapai tahap pencapaian tertinggi, iaitu "Cemerlang".

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.8 Analisis Perbandingan Pencapaian Murid Ujian Pra dan Pasca

Berdasarkan rajah 4.8 di atas, beberapa dapatan penting dapat dikeluarkan: Peningkatan keseluruhan adalah 100% murid menunjukkan peningkatan atau sekurang-kurangnya mengekalkan tahap pencapaian mereka. Tiada seorang pun murid yang menunjukkan penurunan prestasi. Penghapusan Tahap Terendah: Semua 14 orang murid yang berada pada tahap "Penguasaan minimum" pada peringkat pra telah berjaya meningkatkan prestasi mereka ke tahap yang lebih tinggi "Baik" atau "Kepujian". Lonjakan ke Tahap Cemerlang: Jumlah murid yang mencapai tahap "Cemerlang" meningkat secara drastik daripada 0 orang pada peringkat pra kepada 15 orang pada peringkat pasca. Ini merupakan peningkatan sebanyak 50%. Peningkatan Mendadak Kategori "Kepujian": Bilangan murid dalam kategori "Kepujian" juga meningkat secara signifikan, daripada hanya 2 orang kepada 10 orang. Sebagai contoh, Murid 1, Murid 5, dan Murid 11 yang pada mulanya berada di tahap "Penguasaan minimum" telah berjaya meningkat ke tahap "Kepujian". Manakala, murid seperti Murid 8, Murid 9, dan Murid 15 yang berada pada tahap "Baik" telah berjaya melonjak ke tahap "Cemerlang".

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara keseluruhannya, data kualitatif ini membuktikan bahawa intervensi atau kaedah pembelajaran yang telah dijalankan adalah sangat berkesan. Kejayaan ini bukan hanya dilihat daripada peningkatan markah individu, tetapi juga daripada anjakan taburan keseluruhan populasi murid ke arah tahap pencapaian yang lebih tinggi. Kejayaan menghapuskan kategori "Penguasaan minimum" dan meningkatkan bilangan murid "Cemerlang" secara signifikan adalah bukti kukuh kepada keberkesanan program yang dilaksanakan dalam meningkatkan prestasi murid.

4.2.3.3 Analisis Temu Bual Ketua Panitia Bahasa Tamil

1. Bagaimanakah Teknik Tohucokep Dapat Menggalakkan Murid Memilih Karangan Perbahasan Untuk Peperiksaan?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ketua Panitia : Sebagai ketua panitia Bahasa Tamil, pemerhatian saya menunjukkan bahawa pelaksanaan teknik ToHuCoKeP telah memberi impak positif terhadap kecenderungan murid untuk memilih karangan perbahasan dalam penilaian. Sebelum intervensi ini dilaksanakan, sebahagian besar murid menganggap penulisan karangan perbahasan sebagai suatu bentuk penulisan yang kompleks disebabkan kelemahan mereka dalam aspek penyusunan isi serta pembinaan hujah yang sistematik.

Guru Matapelajaran : Pada pandangan saya, penggunaan teknik ToHuCoKeP telah terbukti membantu murid dalam penghasilan karangan perbahasan kerana ia menyediakan panduan yang sistematik serta langkah-langkah yang jelas. Sebelum intervensi ini diperkenalkan, sebahagian besar murid menghadapi kesukaran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menghasilkan karangan berformat perbahasan kerana mereka tidak mengetahui kaedah yang betul untuk mengembangkan hujah secara teratur. Melalui teknik ToHuCoKeP, murid dibimbing untuk mengenal pasti topik, membina huraian, memberikan contoh yang relevan, menghuraikan kesan, serta menghasilkan ayat penegasan dengan lebih tepat. Dengan rangka penulisan yang tersusun ini, murid memperoleh keyakinan yang lebih tinggi dan tidak lagi menganggap penulisan karangan perbahasan sebagai tugasan yang mencabar.

Secara rumusnya, Hasil pemerhatian menunjukkan bahawa pelaksanaan teknik ToHuCoKeP telah memberikan kesan positif terhadap keupayaan serta keyakinan murid dalam menulis karangan perbahasan. Sebelum intervensi ini dijalankan, ramai murid menganggap karangan perbahasan sebagai tugasan yang sukar kerana mereka tidak mempunyai kemahiran menyusun idea dan mengembangkan hujah dengan teratur. Walau bagaimanapun, selepas penerapan teknik ToHuCoKeP, murid dapat mengikuti panduan penulisan yang lebih jelas dan sistematik, bermula daripada mengenal pasti topik, membina huraian, menyediakan contoh, menghuraikan kesan, sehinggalah menghasilkan ayat penegasan. Struktur penulisan yang teratur ini telah membantu murid membuat perancangan idea dengan lebih baik, sekali gus meningkatkan kecenderungan mereka untuk memilih karangan perbahasan dalam peperiksaan. Secara keseluruhan, teknik ToHuCoKeP bukan sahaja memudahkan proses penghasilan hujah, malah turut meningkatkan keyakinan murid dalam menguasai format penulisan tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2. Bagaimanakah Teknik ToHuCoKeP Mengajar Murid Yang Lemah Menulis Karangan Dalam Peperiksaan?

Ketua Panitia : Kaedah ToHuCoKeP didapati sangat berkesan dalam membantu murid yang lemah menghasilkan karangan, khususnya dalam konteks peperiksaan. Teknik ini menyediakan pendekatan penulisan yang lebih mudah difahami serta tersusun, sekali gus mengurangkan kekeliruan murid ketika membina isi karangan. Dengan membahagikan proses penulisan kepada lima komponen utama iaitu topik, huraian, contoh, kesan dan penegasan murid dapat mengikuti langkah penulisan secara lebih sistematik dan berurutan. Pendekatan berstruktur ini bukan sahaja memudahkan murid merancang isi, malah meningkatkan kejelasan dan ketepatan penyampaian hujah dalam karangan mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Guru Matapelajaran : Teknik ToHuCoKeP didapati sangat efektif dalam menyokong murid yang lemah dalam penulisan karangan, terutamanya dalam situasi peperiksaan. Hal ini demikian kerana teknik tersebut menyediakan panduan yang jelas, teratur dan mudah diikuti oleh semua murid, termasuk mereka yang kurang yakin atau kerap melakukan kesilapan semasa membina isi karangan. Murid yang lemah lazimnya menghadapi kesukaran mengembangkan idea secara sistematik. Melalui penerapan teknik ToHuCoKeP, mereka dilatih secara berulang untuk membina ayat berdasarkan formula yang ditetapkan. Latihan berstruktur ini bukan sahaja meningkatkan keyakinan diri, malah membantu murid lebih fokus dan terarah ketika menghasilkan karangan dalam peperiksaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seacara ringkasnya, Teknik ToHuCoKeP didapati sangat membantu murid yang lemah dalam penulisan karangan kerana ia menyediakan panduan yang jelas, tersusun dan mudah diikuti. Dengan memecahkan proses penulisan kepada lima komponen utama, murid dapat mengembangkan idea dengan lebih sistematik dan mengurangkan kekeliruan semasa membina isi karangan. Latihan berulang menggunakan formula ini turut meningkatkan keyakinan diri murid serta membantu mereka lebih fokus ketika menulis, terutama dalam peperiksaan.

3. Bagaimanakah Kaedah Teknik ToHuCoKeP Dapat Menarik Minat Murid Dalam Menulis Karangan Perbahasan?

Ketua Panitia : Berdasarkan pemerhatian saya selaku ketua panitia Bahasa Tamil, pelaksanaan teknik ToHuCoKeP didapati sangat berkesan dalam meningkatkan minat murid terhadap penulisan karangan perbahasan. Sebelum intervensi ini diterapkan, ramai murid menganggap genre penulisan tersebut terlalu mencabar kerana mereka kurang memahami format serta kaedah pembinaan hujah yang berkesan. Dari sudut panitia, turut diperhatikan peningkatan ketara dalam aspek penglibatan murid semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Murid menjadi lebih aktif dalam perbincangan kumpulan, lebih kerap berkongsi pandangan, dan menunjukkan keberanian yang lebih tinggi dalam berhujah. Aktiviti sedemikian bukan sahaja mendorong minat murid terhadap penulisan, malah turut memperkukuh keupayaan mereka berfikir secara kritikal.

Guru Matapelajaran : Pada pendapat sendiri, teknik ToHuCoKeP berupaya meningkatkan minat murid terhadap penulisan karangan perbahasan kerana ia

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menjadikan proses penghasilan teks lebih mudah, sistematik dan bersifat mesra pembelajaran. Sebelum pengenalan teknik ini, ramai murid berasa takut atau tidak berminat untuk menulis karangan perbahasan kerana mereka tidak mengetahui cara memulakan hujah atau mengembangkan isi dengan teratur.

Setelah teknik ToHuCoKeP diterapkan, murid mula menyedari bahawa penulisan karangan perbahasan sebenarnya tidak sukar apabila langkah-langkah yang jelas diikuti. Selain itu, peningkatan penglibatan murid dalam sesi PdP turut dapat diperhatikan. Mereka menjadi lebih aktif dalam perbincangan, kerap berkongsi idea, dan menunjukkan kesungguhan untuk menghasilkan contoh hujah yang lebih bernas.

Seacar ringkasnya, Teknik ToHuCoKeP terbukti meningkatkan minat dan penglibatan murid dalam penulisan karangan perbahasan. Sebelum teknik ini diperkenalkan, ramai murid menghadapi kesukaran kerana tidak memahami format dan cara membina hujah yang tersusun. Setelah menggunakan teknik ToHuCoKeP, proses penulisan menjadi lebih mudah, jelas dan sistematik. Murid juga menjadi lebih aktif dalam perbincangan, berani berkongsi idea, dan mampu memberikan contoh hujah yang relevan. Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan minat, malah mengasah kemahiran berfikir secara kritikal dan keyakinan diri mereka dalam menulis karangan.

4. Bagaimanakah Kaedah Teknik ToHuCoKeP Menjadikan Murid Aktif Semasa Menulis Karangan?

Ketua Panitia : Berdasarkan pemerhatian beliau, penerapan teknik ToHuCoKeP terbukti berkesan dalam meningkatkan penglibatan murid semasa menulis karangan,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

khususnya karangan perbahasan. Teknik ini menekankan bukan sahaja kualiti hasil penulisan, tetapi juga proses pemikiran dan kemahiran komunikasi murid sepanjang penghasilan karangan. Melalui pendekatan ToHuCoKeP, murid digalakkan untuk berfikir secara kritikal pada setiap peringkat penulisan. Dari sudut panitia, pelaksanaan aktiviti sebegini turut menyumbang kepada peningkatan kemahiran komunikasi serta keyakinan diri murid.

Guru Matapelajaran : Pada pendapat beliau, kaedah teknik ToHuCoKeP telah berjaya meningkatkan penglibatan murid semasa menulis karangan kerana teknik ini menyediakan ruang untuk mereka berfikir, berbincang, dan membina isi secara sistematik. Murid tidak lagi sekadar menyalin contoh karangan, tetapi terlibat secara aktif dalam proses menghasilkan karangan mereka sendiri. Dalam sesi PdP, penerapan langkah-langkah ToHuCoKeP membolehkan murid dilatih berbincang secara berkumpulan bagi mencari hujah yang sesuai dengan tajuk yang diberikan.

Seacara ringkasnya, Teknik ToHuCoKeP terbukti berkesan dalam meningkatkan penglibatan dan minat murid semasa menulis karangan, khususnya karangan perbahasan. Teknik ini bukan sahaja memfokuskan hasil penulisan, tetapi juga proses berfikir secara kritikal, perbincangan berkumpulan, dan penyusunan isi secara tersusun. Melalui penerapan langkah-langkah ToHuCoKeP, murid dilatih untuk membina hujah sendiri, berkongsi idea, dan menghasilkan karangan dengan lebih yakin. Secara keseluruhan, pendekatan ini membantu memperkukuh kemahiran komunikasi, keyakinan diri, dan kemampuan murid untuk berfikir secara kritikal dalam penghasilan karangan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5. Bagaimanakah Teknik ToHuCoKeP Boleh Menggalakkan Penyertaan Murid?

Ketua Panitia : Berdasarkan pemerhatian beliau selaku ketua panitia Bahasa Tamil, penerapan teknik ToHuCoKeP terbukti berkesan dalam menggalakkan penglibatan murid dalam aktiviti penulisan karangan, khususnya karangan perbahasan. Teknik ini berorientasikan murid dan tidak semata-mata bergantung kepada penerangan guru. Dari sudut panitia, peningkatan penyertaan murid semasa PdP dapat dilihat dengan jelas apabila teknik ini digunakan. Suasana kelas menjadi lebih interaktif, dimana murid bukan sahaja mendengar, tetapi turut aktif menyumbang idea dan pandangan mereka.

Guru Matapelajaran : Pada pendapat beliau, Teknik ToHuCoKeP terbukti sangat berkesan dalam meningkatkan penglibatan murid semasa sesi pengajaran dan pembelajaran. Teknik ini menyediakan peluang kepada semua murid, termasuk yang lemah mahupun yang cemerlang, untuk mengambil bahagian secara aktif dalam aktiviti penulisan karangan. Selain itu, pendekatan ini membolehkan guru menarik minat murid yang biasanya pasif untuk terlibat, kerana aktiviti ToHuCoKeP bersifat interaktif dan menekankan perbincangan serta kerjasama dalam kumpulan.

Berdasarkan pemerhatian, Teknik ToHuCoKeP terbukti berkesan dalam meningkatkan penyertaan dan penglibatan murid semasa penulisan karangan, khususnya karangan perbahasan. Teknik ini berorientasikan murid dan menyediakan peluang kepada semua murid, termasuk yang lemah, untuk terlibat secara aktif dalam aktiviti penulisan. Melalui pendekatan yang interaktif dan berfokus pada perbincangan kumpulan, murid bukan sahaja didorong untuk berkongsi idea, tetapi juga diajar berfikir secara kritikal dan membina hujah secara sistematik. Secara keseluruhan,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

teknik ini membantu meningkatkan minat, keyakinan diri, serta kemahiran komunikasi murid dalam menghasilkan karangan.

6. Adakah Anda Berpendapat Kaedah Pembelajaran Teknik ToHuCoKeP Boleh Meningkatkan Minat Murid Terhadap Penulisan Kreatif Karangan Perbahasan Dalam Peperiksaan?

Ketua Panitia : Beliau berpendapat bahawa kaedah pembelajaran menggunakan Teknik ToHuCoKeP terbukti berkesan dalam meningkatkan minat murid terhadap penulisan kreatif, khususnya karangan perbahasan, terutamanya apabila mereka bersedia menghadapi peperiksaan. Teknik ini bukan sahaja memudahkan murid memahami struktur karangan dengan lebih jelas, tetapi juga menyediakan ruang untuk mereka berfikir secara kreatif dan kritikal sepanjang proses penulisan. Dari perspektif panitia, peningkatan ketara dalam penyertaan dan minat murid terhadap penulisan karangan perbahasan turut dapat diperhatikan.

Guru Matapelajaran : Beliau bersetuju bahawa kaedah pembelajaran menggunakan Teknik ToHuCoKeP berupaya meningkatkan minat murid terhadap penulisan kreatif, khususnya karangan perbahasan, terutamanya ketika mereka bersedia menghadapi peperiksaan. Teknik ini memudahkan murid memahami struktur karangan dengan lebih jelas serta meningkatkan keyakinan mereka dalam menulis. Selain itu, teknik ini menggalakkan murid berfikir secara kreatif ketika membina hujah dan memberi contoh yang relevan. Murid turut menikmati proses pembelajaran kerana mereka dapat berkongsi pandangan serta menghasilkan karangan mengikut gaya penulisan mereka sendiri.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kaedah pembelajaran menggunakan Teknik ToHuCoKeP terbukti berkesan dalam meningkatkan minat dan penglibatan murid terhadap penulisan kreatif, khususnya karangan perbahasan. Teknik ini memudahkan murid memahami struktur karangan secara jelas, meningkatkan keyakinan diri, serta menggalakkan mereka berfikir secara kreatif dan kritikal ketika membina hujah dan memberi contoh. Selain itu, pendekatan ini membolehkan murid berkongsi pandangan, menghasilkan karangan mengikut gaya mereka sendiri, dan aktif dalam sesi PdP, sekali gus memperkukuh kemahiran komunikasi dan penyertaan dalam proses pembelajaran.

7. Adakah Kaedah Teknik ToHuCoKeP Membantu Murid Berfikir Dengan Kreatif Semasa Menulis Karangan Dalam Peperiksaan?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ketua Panitia : Beliau amat bersetuju kerana kaedah ini mampu merangsang pemikiran kreatif murid semasa menulis karangan perbahasan. Teknik ini bukan sahaja menyediakan panduan dalam penulisan karangan, tetapi juga mendorong murid untuk menghasilkan hujah dan contoh yang baharu serta menarik.

Guru Matapelajaran : Beliau berpendapat bahawa Teknik ToHuCoKeP terbukti membantu murid berfikir secara kreatif semasa menulis karangan, terutamanya semasa sesi latihan. Teknik ini bukan sahaja menyediakan format penulisan yang jelas, tetapi juga mendorong murid untuk meneliti dan mengembangkan isi serta hujah yang ingin disampaikan secara mendalam. Hasil pemerhatian menunjukkan bahawa murid menjadi lebih berani mengemukakan idea mereka sendiri, di mana mereka tidak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sekadar menyalin isi daripada buku, tetapi berfikir dan menghasilkan kandungan secara autonomi.

Teknik ToHuCoKeP terbukti berkesan dalam meningkatkan minat dan penglibatan murid semasa menulis karangan perbahasan. Teknik ini bukan sahaja memudahkan murid memahami format dan struktur karangan, tetapi juga merangsang pemikiran kreatif dan kritikal mereka ketika membina hujah serta memberi contoh. Murid menjadi lebih berani mengemukakan idea sendiri, aktif berkongsi pandangan, dan tidak lagi hanya menyalin isi daripada buku. Secara keseluruhan, pendekatan ini meningkatkan keyakinan diri, kemahiran komunikasi, dan kualiti penulisan murid.

8. Adakah Kaedah Teknik ToHuCoKeP Dapat Membantu Murid Berfikir Secara Luas Untuk Mendapat Idea Baru?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ketua Panitia : Beliau bersetuju bahawa teknik ini mampu membantu murid berfikir di luar batasan penulisan tradisional serta menggali potensi mereka dalam menghasilkan isi yang lebih bernas dan mendalam. Setiap komponen teknik ini melatih murid untuk menganalisis sesuatu isu daripada pelbagai sudut pandangan. Proses ini bukan sahaja meningkatkan kemampuan mereka menulis secara tersusun, tetapi juga menggalakkan pemikiran kreatif dan analitikal.

Guru Matapelajaran : Pada pendapat beliau, kaedah ini terbukti membantu murid berfikir secara lebih meluas dan menghasilkan idea baharu ketika menulis karangan. Teknik ini memberi peluang kepada murid untuk menilai sesuatu tajuk daripada pelbagai perspektif serta mengembangkan pemikiran mereka berdasarkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengalaman, pengetahuan am, dan isu semasa. Secara tidak langsung, pendekatan ini menggalakkan murid untuk tidak bergantung sepenuhnya kepada contoh dalam buku teks, tetapi menghasilkan idea dan hujah mereka sendiri.

Teknik ToHuCoKeP terbukti berkesan dalam meningkatkan penglibatan dan minat murid semasa menulis karangan perbahasan. Teknik ini memudahkan murid memahami struktur karangan, merangsang pemikiran kreatif dan kritikal, serta membolehkan mereka menilai tajuk daripada pelbagai perspektif. Murid menjadi lebih aktif berkongsi idea, berani menghasilkan hujah dan contoh sendiri, serta tidak bergantung sepenuhnya kepada isi daripada buku teks. Secara keseluruhan, pendekatan ini meningkatkan keyakinan diri, kemahiran komunikasi, dan kualiti penulisan murid.

9. Adakah Kaedah Teknik ToHuCoKeP Ini Membantu Pencapaian Murid Dalam ABAD -21 Untuk Melahirkan Insan Yang Berkualiti?

Ketua Panitia : Beliau amat bersetuju bahawa Teknik ToHuCoKeP berkesan dalam membantu murid mencapai matlamat pembelajaran abad ke-21 serta membentuk individu yang berkualiti. Teknik ini bukan sahaja memfokuskan kepada kemahiran menulis karangan, tetapi turut merangkumi elemen pemikiran kritikal, kerjasama, komunikasi, dan kreativiti. Dari segi pencapaian, pemerhatian saya menunjukkan bahawa murid yang menggunakan pendekatan ini memperlihatkan peningkatan bukan sahaja dalam penulisan karangan, tetapi juga dalam kemahiran berfikir secara kritikal dan berinteraksi secara berkesan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Guru Matapelajaran : Beliau berpendapat bahawa teknik ini sangat berkesan dalam meningkatkan pencapaian murid sejajar dengan matlamat pembelajaran abad ke-21 untuk melahirkan individu yang berkualiti. Teknik ini bukan sahaja menekankan kemahiran menulis, malah turut menggalakkan penguasaan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT), komunikasi, kerjasama, dan kreativiti. Melalui aktiviti seperti perbincangan hujah, pemilihan contoh yang sesuai, dan penilaian terhadap pendapat rakan, murid dapat mengembangkan kemahiran sosial serta berfikir secara kritikal, sejajar dengan elemen utama Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK-21).

Teknik ToHuCoKeP terbukti berkesan dalam meningkatkan pencapaian dan penglibatan murid, sejajar dengan matlamat pembelajaran abad ke-21 untuk melahirkan individu yang berkualiti. Teknik ini bukan sahaja memudahkan murid memahami struktur karangan dan meningkatkan keyakinan diri, tetapi juga merangsang pemikiran kritikal, kreativiti, kerjasama, dan kemahiran komunikasi. Melalui aktiviti perbincangan hujah, pemilihan contoh yang sesuai, dan penilaian pendapat rakan, murid dapat menghasilkan hujah dan idea sendiri, aktif berkongsi pandangan, serta mengembangkan kemahiran sosial dan berfikir secara kritikal. Secara keseluruhan, pendekatan ini meningkatkan kualiti penulisan, keyakinan, dan penguasaan kemahiran abad ke-21 dalam kalangan murid.

Berdasarkan pemerhatian daripada kedua-dua jawapan temu bual diatas, Teknik ToHuCoKeP terbukti berkesan dalam meningkatkan minat, penglibatan, dan pencapaian murid semasa menulis karangan perbahasan. Teknik ini bukan sahaja memudahkan murid memahami struktur karangan, tetapi juga merangsang pemikiran kreatif dan kritikal, membolehkan mereka menghasilkan hujah dan contoh sendiri serta

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berkongsi idea secara aktif. Selain itu, penerapan teknik ini menggalakkan penguasaan kemahiran abad ke-21 seperti berfikir aras tinggi (KBAT), komunikasi, kolaborasi, dan kreativiti, sejajar dengan matlamat pendidikan untuk melahirkan individu yang berkualiti. Secara keseluruhan, pendekatan ToHuCoKeP meningkatkan keyakinan diri, kemahiran komunikasi, dan kualiti penulisan murid.

Secara rumusnya, temu bual daipada guru bahasa tamil dan ketua panitia bahasa tamil membuktikan teknik ToHuCoKeP memberi impak yang positif dalam karangan perbahasan murid. Ketua panitia mengatakan teknik ToHuCoKeP membantu murid untuk memilih karangan perbahasan, membantu murid yang lemah untuk menghasilkan karangan perbahasan dan meningkatkan minat murid terhadap penulisan karangan. Selain itu, beliau mengatakan teknik ini meningkat penglibatan murid, berorientasikan murid dan juga tidak bergantung kepada penerangan guru. Teknik ToHuCoKeP memudahkan murid memahami struktur karangan perbahasan lebih jelas dan merangsang murid untuk pemikiran kreatif. Seterusnya beliau mengatakan,teknik ini membantu murid untuk berfikir luar batasan daripada pemirikan tradisional. Ia membantu murid untuk mencapai matlamat pembelajaran abad ke-21 serta membentuk individu yang berkualiti.

Daripada pandangan guru bahasa tamil sekolah tersebut, teknik ToHuCoKeP membantu murid untuk menghasilkan karangan perbahasan; ia kerana teknik ini bersandarkan kepada panduan. Selain itu, beliau mengatakan teknik ini sangat efektif dalam menyokong murid yang lemah serta berupaya untuk meningkat minat murid untuk menulis karangan perbahasan. Setelah minat murid meningkat secara tidak langsung meningkat penglibatan murid semasa sesi pengajaran dan pembelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Teknik ini membantu memahami struktur karangan dan juga membantu untuk berfikir secara kreatif semasa menulis karangan perbahasan. Disamping itu, beliau mengatakan teknik ToHuCoKeP berkeupayaan untuk berfikir secara meluas dan menghasilkan idea baru. Ia dapat mendorong untuk meringkat pencapaian murid sejajar dengan matlamat pembelajaran abad ke-21 untuk melahirkan individu yang berkualiti.

4.3 Rumusan

Teknik ToHuCoKeP juga membantu murid mengorganisasikan isi karangan secara berstruktur, memudahkan mereka mengembangkan idea dengan jelas dan menghubungkannya dengan topik yang ditetapkan. Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan kemahiran menulis penutup dan penggunaan bahasa, tetapi juga membina asas yang kukuh untuk murid mengolah hujah dan menyusun isi dengan lebih berkesan dalam jangka panjang.

Secara keseluruhan, kajian ini membuktikan bahawa Teknik ToHuCoKeP adalah pendekatan yang praktikal dan berkesan untuk menulis karangan. Ia membantu murid memperkukuh kemahiran menyusun idea, menulis isi yang tersusun, membina hujah yang relevan, dan menghasilkan penutup yang mantap. Dengan latihan berterusan, murid dijangka dapat meningkatkan kualiti penulisan mereka secara menyeluruh, dari pengenalan sehingga penutup, sekaligus mencapai tahap penguasaan yang lebih tinggi dalam kemahiran menulis.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 5

PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

